



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH JASIN



Modul Pentaksiran INTERVENSI **MASYHUR**

PENAJA

Dr. Hayati binti Jaafar
Pakar Kanak - Kanak
Hospital Pantai, Ayer Keroh. Melaka
014 - 3157553

**SPM
2024**

EKONOMI

PENTAKSIRAN INTERVENSI MASYHUR

Edisi 1 : 2021

Edisi 2 : 2022

Edisi 3 : 2023

Edisi 4 : 2024

@ Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan bahan ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit. Tanggungjawab hak cipta tidak ada kena mengena dengan maklumat yang terkandung di dalam bahan ini.

Penerbit:

PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH JASIN

Jalan Pegawai, 77000 Jasin. Melaka

Tajaan Penerbitan:

DR. HAYATI BINTI JAAFAR

Klinik Pakar Kanak-Kanak
Hospital Pantai, Ayer Keroh. Melaka

Suntingan Grafik oleh:

Remy Azman bin Abdul Rashid

Siti Zainab binti Mat Nor

Nurul Fareha binti Rosli

Amiza binti Mad Zin

Mohammad Firdhaus bin Abu Bakar

Pegawai Unit Sumber Teknologi Pendidikan

Pejabat Pendidikan Daerah Jasin

Dicetak oleh:

KHIDMAT JAYA ENT SDN. BHD

No 24 Jalan Kerambit 5, Bandar Baru Sungai Udang

76300 Melaka

Tel: 012-7215480

Email: printing@khidmatjaya.com.my

Mutiara Kata Bingkisan Hati

PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH JASIN

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Salam Malaysia Madani.

Pendidikan Berkualiti, Insan Terdidik, Negara Sejahtera.

ppdjasinBITARA



Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmatNya telah berjaya menerbitkan Pentaksiran Intervensi Masyhur.

Ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan saya titipkan kepada Dr. Hayati binti Jaafar, Pakar Kanak-Kanak, Hospital Pantai Ayer Keroh Melaka kerana menabur budi dan bekerjasama dengan Pejabat Pendidikan Daerah Jasin. Dr Hayati memperuntukkan dana dengan menaja Program Pentaksiran Intervensi Masyhur.

Beliau telah menaja penerbitan Pentaksiran Intervensi Masyhur bagi 15 subjek teras dan elektif edisi ke 4. Pentaksiran ini banyak membantu calon-calon Sijil Pelajaran Malaysia khasnya untuk melaksanakan aktiviti pengayaan dan pengukuhan sebelum menduduki peperiksaan. Penggunaan pentaksiran ini menyumbang kepada peningkatan Gred Purata Daerah saban tahun. Justeru itu, saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua pihak terutama barisan penulis yang telah bertungkus lumus menghasilkan pentaksiran lengkap ini. Mudah-mudahan bahan pentaksiran ini akan terus dijadikan rujukan dan refleksi terhadap inisiatif guru untuk melonjakkan kualiti pendidikan di daerah Jasin

Melalui penerbitan Pentaksiran Intervensi Masyhur ini juga dapat dijadikan bahan untuk mengukuhkan lagi persediaan calon Sijil Pelajaran Malaysia dalam menghadapi peperiksaan. Pentaksiran ini merupakan dokumen yang komprehensif, dinamik dan realistik bagi memantapkan intelektual murid ke arah kecemerlangan yang mampan dan memberi impak tinggi dalam kemenjadian murid dan kecemerlangan sekolah.

Oleh itu, kejayaan dalam menghasilkan Pentaksiran Intervensi Masyhur ini diiringi dengan niat dan azam yang tinggi, dapat menggalas amanah dan tanggungjawab dalam membentuk modal insan cemerlang di dunia dan di akhirat. Sementelahan, diharapkan usaha murni ini dapat diteruskan agar melahirkan generasi masyarakat yang gemilang sesuai dengan agenda pendidikan negara.

Sekian, terima kasih.

Menjana Pendidikan Ke Aras Kecemerlangan Global

MOHD YUSOF BIN SAID B.C.M

PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH JASIN

Mengungkap Tinta Inspirasi Ilmu

TIMBALAN SEKTOR PEMBELAJARAN

Assalamualaikum wbt wrt dan Salam Sejahtera
Salam Malaysia Madani
Pendidikan Berkualiti, Insan Terdidik Negara Sejahtera.
#ppdjasinBITARA



Alhamdulillah, dengan penuh rasa syukur ke hadrat Allah Taala, Modul Pentaksiran Intervensi Masyhur telah berjaya diterbitkan dengan jayanya. Kejayaan ini adalah hasil limpah rahmat dan inayah-Nya yang tiada terhingga.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr. Hayati binti Jaafar, Pakar kanak-Kanak, Hospital Pantai Ayer Keroh Melaka kerana menabur budi dan memberikan kerjasama erat dengan Pejabat Pendidikan Daerah Jasin. Penerbitan modul Pentaksiran Intervensi Masyhur ini tidak mungkin direalisasikan tanpa sokongan dan komitmen jitu daripada pihak penaja yang terlibat.

Modul ini dirancang dengan tujuan yang jelas: untuk memperkasa para pendidik dalam melaksanakan penilaian yang berfokus dan berkualiti, serta mempamerkan pelbagai teknik dan alat pentaksiran yang boleh digunakan. Diharapkan bahan ini menjadi sumber rujukan yang berkesan dalam usaha meningkatkan mutu pendidikan dan pentaksiran di kalangan pendidik dan murid.

Pentaksiran Intervensi Masyhur bukan sekadar sebuah modul, tetapi merupakan alat penting dalam proses pengukuhan pembelajaran. Penggunaannya yang meluas merangkumi pelbagai mata pelajaran menjadikannya satu keperluan yang kritikal dalam dunia pendidikan. Keistimewaan modul ini terletak pada keseragaman dalam pentaksiran, di mana penulis merujuk kepada analisis data *Continuous Quality Improvement* (CQI@Jasin) sebagai petunjuk prestasi. Keseragaman ini memastikan keadilan dan ketelusan dalam proses pembelajaran, di mana murid dinilai berdasarkan standard yang sama.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam menjayakan penerbitan ini. Kepada panel penulis yang mencurahkan masa dan tenaga mereka untuk menghasilkan kandungan yang berkualiti, serta jawatankuasa kerja yang tidak mengenal lelah dalam memberikan sokongan logistik dan moral, jasa kalian amatlah dihargai.

Akhir kata, semoga Pentaksiran Intervensi Masyhur ini mampu menjadi alat yang efektif dalam meningkatkan kualiti pendidikan melalui pentaksiran yang berstruktur dan komprehensif, serta menyumbang kepada peningkatan prestasi kejayaan calon SPM.

Sekian, terima kasih.
Mengakselerasi Pendidikan Madani

DR. HAJI MOHD ALFOUZII BIN NASIR
TIMBALAN SEKTOR PEMBELAJARAN

SULAIDE BIN SULAIMAN
PENYELARAS - SISC+ - PPD Jasin



SARIZA BINTI RAHIM
KETUA PANEL - SMKA Tun Perak



SITI SARAH BINTI MASLAN
SMK Simpang Bekoh



FAZANA BINTI RUSLI
SMK Selandar



SITI ADLIN DIANA BINTI OMAR
SMKA Tun Perak



SUHANA BINTI MASHURI
SMK Dang Anum



TAN BOON MOY
SMK Tan Sri Abdul Aziz Tapa



NORZALINA BINTI MD DOM
SMK Dato' Abdul Rahman Ya'kub



NUR NAZIRA BINTI NAZMAL
SMK Sungai Rambai



MOHD KHAIRI BIN KABIL
SMK Tun Syed Zahiruddin



NOR HAZILAH BINTI ABD HAMID
SMK Seri Mahkota



SOALAN OBJEKTIF
TINGKATAN 4
BAB 1 : PENGENALAN KEPADA EKONOMI

1. Ilmu ekonomi mengkaji tentang bagaimana manusia
 - A menggunakan wang bagi meningkatkan tabungan masa depan
 - B menyeimbangkan pelbagai kehendak dengan sumber ekonomi yang ada
 - C mengurangkan jurang perbezaan antara golongan kaya dengan golongan miskin
 - D menghasilkan keluaran dengan menggunakan faktor pengeluaran secara maksimum
2. Masalah pilihan dalam ekonomi berlaku kerana
 - A faktor pengeluaran dalam ekonomi adalah terhad
 - B kadar pertumbuhan penduduk yang tidak terkawal
 - C kehausan dan kepupusan sumber alam semulajadi
 - D faktor pengeluaran adalah tidak terhad dalam ekonomi
3. Pernyataan yang manakah **betul** tentang faktor pengeluaran?
 - A Tanah merupakan sumber yang penawarannya tidak terhad
 - B Modal merupakan alat ciptaan manusia yang mempunyai mobiliti yang tinggi
 - C Usahawan adalah individu yang menyumbangkan tenaga fizikal dan mental dalam proses pengeluaran
 - D Buruh merupakan individu yang menggabungkan sumber ekonomi untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan
4. Apakah tujuan isi rumah membuat pilihan apabila membeli barang?
 - A Memenuhi kehendak manusia
 - B Meminimumkan kos pengeluaran
 - C Memaksimumkan kepuasan pengguna
 - D Memaksimumkan kebaikan masyarakat
5. Pernyataan manakah yang merujuk kepada masalah kekurangan yang dihadapi oleh firma?
 - A Muhammad Ali seorang tukang masak profesional sukar mendapatkan pisau pemotong daging yang berkualiti
 - B Puan Orkid mengambil tempahan pakaian di rumah tidak dapat menyiapkan tugas kerana masa yang suntuk
 - C Cik Rahmah yang mengajar tuisyen persendirian gagal mendapatkan pinjaman untuk menambah perabot rumahnya
 - D Encik Nizam belum menjelaskan yuran pengajian anaknya di sebuah kolej swasta terkemuka
6. Antara berikut yang manakah **betul**?
 - A Sebuah firma terpaksa membuat pilihan akibat kekurangan buruh mahir untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan
 - B Seorang suri rumah terpaksa membuat pilihan akibat kekurangan modal untuk berbelanja bagi keperluan keluarganya
 - C Seorang petani terpaksa membuat pilihan akibat kekurangan sumber pendapatan untuk menghasilkan keluaran pertanian
 - D Sebuah kerajaan negeri terpaksa membuat pilihan akibat kekurangan faktor pengeluaran untuk melaksanakan projek pembangunan

7. Gambar di bawah berkaitan dengan sumber ekonomi.



Pernyataan yang manakah **betul**?

- A Menerima ganjaran faedah
- B Mempunyai mobiliti geografi yang rendah
- C Menyelaraskan input pengeluaran bagi menghasilkan output
- D Menyumbangkan tenaga fizikal dan mental dalam proses pengeluaran

8. Maklumat di bawah berkaitan dengan masalah ekonomi.

Amira terpaksa membuat satu pembelian sahaja akibat tidak berkemampuan untuk membeli baju kurung dan baju kebaya.

Tindakan tersebut menyebabkan beliau

- A melepaskan pilihan kedua terbaik
- B terpaksa membuat satu pilihan terbaik
- C menghadapi ketidakcukupan pendapatan
- D tidak mampu memaksimumkan kepuasan

9. Maklumat di bawah berkaitan dengan Encik Azuan.

Encik Azuan mengusahakan sebuah kilang keropok. Beliau mempunyai seramai 40 orang pekerja dan berjaya menjadi pembekal utama kepada pasar raya besar di Kelantan, Terengganu dan Pahang

Apakah faktor pengeluaran yang terlibat dalam perniagaan Encik Azuan?

- I Pekerja
 - II Keropok
 - III Pasar raya besar
 - IV Bangunan kilang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

10. Gambar berikut menunjukkan sejenis faktor pengeluaran.



Pernyataan manakah yang menggambarkan faktor pengeluaran tersebut?

- A Input produktif yang dicipta oleh manusia untuk meningkatkan pengeluaran
- B Sumber semulajadi yang mempunyai penawaran terhad
- C Berperanan menyelaras dan menggabungkan faktor pengeluaran
- D Membenarkan orang lain mengurus keuntungannya

11. Mengapakah usahawan menerima pulangan untung?
- Menangguh penggunaan input pada masa sekarang
 - Meletakkan lebihan modal dalam akaun pelaburan di bank
 - Memiliki kecekapan dalam menggabungkan faktor pengeluaran
 - Menyumbangkan tenaga fizikal dan mental dalam proses pengeluaran
12. Manakah yang berikut merupakan andaian dalam analisis keluk kemungkinan pengeluaran (KKP)?
- Tingkat teknologi tetap
 - Ekonomi mencapai guna tenaga penuh
 - Ekonomi mengeluarkan tiga jenis barang sahaja
 - Sumber ekonomi yang dimiliki adalah pelbagai
- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |
13. Antara berikut yang manakah **benar** tentang keluk kemungkinan pengeluaran?
- Pengeluaran kedua-dua barang di sepanjang keluk kemungkinan pengeluaran dapat ditambah secara serentak dengan menggunakan semua sumber ekonomi
 - Kombinasi pengeluaran yang tidak cekap berlaku pada salah satu titik di sepanjang keluk kemungkinan pengeluaran
 - Sumber ekonomi yang tidak digunakan sepenuhnya akan menyebabkan masalah ketidakupayaan ekonomi
 - Untuk menambah kuantiti pengeluaran suatu barang terpaksa mengorbankan kuantiti pengeluaran barang yang lain


14. Jadual di bawah menunjukkan dua barang yang dikeluarkan oleh sesuatu firma.

Kaedah Pengeluaran	Meja (unit)	Kerusi (unit)
M	100	35
N	70	40
P	40	60
Q	20	75

Jika pihak pengurusan firma tersebut mengambil keputusan untuk mengubah kaedah pengeluaran daripada kaedah P kepada kaedah Q, berapakah unit meja yang terpaksa dilepaskan?

- | | |
|------|------|
| A 15 | C 30 |
| B 20 | D 45 |

15. Rajah di bawah menunjukkan sebuah keluk kemungkinan pengeluaran.



Pilih pernyataan yang **benar** menggambarkan kombinasi pengeluaran di titik P.

- Faktor pengeluaran tidak digunakan secara optimum
- Tingkat pengeluaran berlaku pada tahap guna tenaga penuh
- Faktor pengeluaran digunakan secara maksimum tanpa pembaziran
- Tingkat pengeluaran barang tidak tercapai akibat kekurangan faktor pengeluaran


16. Jadual di bawah menunjukkan dua barang yang dikeluarkan oleh satu firma.

Kaedah Pengeluaran	Meja (unit)	Kerusi (unit)
M	100	35
N	70	40
P	40	60
Q	20	75

Jika pihak pengurusan firma tersebut mengambil keputusan untuk mengubah kaedah pengeluaran daripada P kepada Q, berapakah unit meja yang terpaksa dilepaskan?

- A 15 unit C 40 unit
 B 20 unit D 75 unit

17. Rajah berikut menunjukkan sebuah keluk kemungkinan pengeluaran.



Pilih pernyataan yang **tepat** apabila kombinasi pengeluaran bergerak dari titik X ke Y.


- A Semakin banyak barang A dikeluarkan dalam ekonomi
 - B Semakin banyak barang B dikeluarkan dalam ekonomi
 - C Kadar pengangguran adalah tinggi dalam ekonomi
 - D Berlaku kemajuan tingkat teknologi pengeluaran

18. Intan ingin membeli sepasang kasut baharu. Harga kasut untuk jenama Badang ialah RM119.90 manakala jenama Sempoi ialah RM89.90.

Apakah kos lepasnya jika dia mempunyai wang RM100?

- A Kos lepas ialah kasut Sempoi
 - B Kos lepas ialah kasut Badang
 - C Kos lepas ialah kasut Badang dan Sempoi
 - D Tiada kos lepas


19. Rajah di bawah merupakan keluk kemungkinan pengeluaran (KKP) bagi dua jenis barang.



Pernyataan yang manakah menjelaskan kesan perubahan kombinasi pengeluaran titik A ke B?

- A Pengeluaran Y berkurang sebanyak 100 unit
- B Pengeluaran X bertambah sebanyak 400 unit
- C Tidak wujud masalah pilihan dan kos lepas
- D Ekonomi mencapai guna tenaga penuh

20. Rajah di bawah berkaitan dengan Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP).



Pernyataan manakah yang **betul** berkaitan dengan KKP di atas?

- I Titik X menunjukkan kombinasi pengeluaran yang cekap
- II Titik C menunjukkan berlaku kos lepas terhadap baju sebanyak 10 000 unit
- III Titik Z menunjukkan ketidakupayaan ekonomi dalam mengeluarkan baju dan kasut
- IV Titik ABCDE menunjukkan masalah pilihan di sepanjang KKP
 - A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

21. Syarikat Hazri Trading bercadang mengeluarkan 1 500 makanan ringan dengan menggunakan mesin yang diimport dari Australia.

Apakah masalah asas ekonomi lain yang perlu dipertimbangkan oleh Syarikat tersebut?

- A Untuk siapa dikeluarkan
- B Berapa hendak dikeluarkan
- C Apa yang hendak dikeluarkan
- D Bagaimana hendak dikeluarkan

22. Pernyataan berikut berkaitan dengan penyelesaian masalah asas ekonomi.

Barang dikeluarkan berdasarkan teknik pengeluaran yang cekap.

Apakah masalah asas ekonomi tersebut?

- A Apa yang hendak dikeluarkan
- B Berapa yang hendak dikeluarkan
- C Bagaimana hendak dikeluarkan
- D Untuk siapa dikeluarkan


23. Maklumat berikut berkaitan dengan penyelesaian masalah asas ekonomi.

Kenaikan kos upah di sektor perindustrian telah menyebabkan firma bertukar kepada penggunaan mesin bagi memenuhi permintaan pasaran.

Pernyataan tersebut merujuk kepada

- | | |
|-------------------|-----------------------|
| A Jenis output | C Teknik pengeluaran |
| B Kuantiti barang | D Corak agihan barang |


24. Rajah di bawah menunjukkan persamaan ciri bagi dua sistem ekonomi.



Apakah X ?

- A Memaksimumkan kepuasan
- B Mengawal harga barang keperluan
- C Kebebasan dalam membuat pilihan barang
- D Harga barang ditentukan melalui mekanisme harga

25. Maklumat di bawah menunjukkan ciri sistem ekonomi sebuah negara.



Pernyataan manakah yang mewakili S?

- A Wujud mekanisme harga
- B Kebajikan masyarakat diutamakan
- C Persaingan yang bebas antara pengeluar
- D Motif pengeluaran adalah memaksimumkan keuntungan

26. Pernyataan yang manakah merujuk kepada peranan kerajaan dalam sistem ekonomi di Malaysia?

- I Memaksimumkan untung dan kebajikan
 - II Mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat
 - III Merapatkan jurang pendapatan pengguna
 - IV Mengawal harga barang dan perkhidmatan
- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |


27. Antara berikut, yang manakah merupakan tujuan kerajaan campur tangan dalam sistem ekonomi di Singapura?
- I Meningkatkan motivasi pekerja
 - II Merapatkan jurang pendapatan
 - III Mengurangkan kesan eksternaliti
 - IV Menggalakkan perkembangan teknologi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
28. Antara berikut, yang manakah ciri-ciri sistem ekonomi Islam?
- I Menyediakan barang awam demi meningkatkan kebajikan masyarakat
 - II Mewujudkan persaingan yang adil dan saksama antara individu
 - III Keseimbangan antara kepentingan individu dan masyarakat
 - IV Kerajaan menentukan pengeluaran barang untuk mengelakkan penyelewengan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
29. Apakah yang membezakan sistem ekonomi kapitalis dengan sistem ekonomi campuran?
- A Masyarakat dapat menikmati pelbagai barang
 - B Harga barang dapat ditentukan oleh mekanisma harga
 - C Subsidi dapat mengurangkan kos pengeluaran firma
 - D Firma bebas bersaing untuk menghasilkan barang berkualiti
30. Sistem ekonomi kapitalis lebih baik daripada sistem ekonomi sosialis kerana
- A Sumber ekonomi diagihkan secara adil
 - B Penggunaan input pengeluaran lebih cekap
 - C Wujud keseimbangan dalam agihan pendapatan
 - D Kaedah pengeluaran barang yang berskala besar

BAB 2 : PASARAN

1. Pernyataan manakah yang **betul** tentang permintaan berkesan?
 - A Kehendak yang tidak terbatas
 - B Minat terhadap sesuatu barang
 - C Keperluan yang mesti dipenuhi
 - D Keinginan yang mampu dimiliki
2. Pernyataan manakah **benar** tentang hukum permintaan?
 - A Sofea akan membeli lebih banyak barang apabila harga barang jatuh
 - B Fauzan akan membeli lebih banyak barang apabila harga barang meningkat
 - C Syarikat Amir akan mengeluarkan lebih banyak barang apabila harga barang jatuh
 - D Syarikat Wafi akan mengeluarkan lebih banyak barang apabila harga barang meningkat
3. Pernyataan yang manakah **betul** tentang keluk permintaan individu?
 - A Kecerunan lebih landai daripada keluk permintaan pasaran
 - B Hubungan antara harga dan kuantiti diminta adalah negatif
 - C Menunjukkan keluk yang mencerun ke bawah dari kanan ke kiri
 - D Penurunan harga barang itu menyebabkan keluk beralih ke kanan
4. Pernyataan yang manakah **betul** berkaitan hukum penawaran?
 - A Keluk yang mencerun ke bawah dari kiri ke kanan
 - B Hubungan positif antara harga dan kuantiti ditawar
 - C Apabila harga turun, kuantiti ditawar akan meningkat
 - D Kuantiti meningkat kesan penggunaan teknologi moden
5. Situasi berikut berkaitan dengan satu penentu penawaran rumah.

Harga simen meningkat

Titik koordinat yang manakah menunjukkan kesan perubahan penentu penawaran tersebut?




6. Maklumat di bawah berkaitan dengan hubungan dua jenis barang.

Kenaikan harga barang X akan menyebabkan kuantiti permintaan terhadap barang Y berkurangan

Apakah kemungkinan barang X dan barang Y

- | | |
|-----------------------------------|---------------------------------|
| A Kereta Honda dan kereta Persona | C Kasut dan stokin |
| B Gula dan garam | D Telefon pintar dan televisyen |

7. Rajah di bawah menunjukkan permintaan pengguna terhadap tudung.



Apakah faktor yang menyebabkan perubahan keluk D₀D₀ kepada D₁D₁?

- A Iklan yang kurang berkesan
- B Pendapatan pengguna bertambah
- C Tambang pengangkutan awam meningkat
- D Kadar cukai pendapatan perseorangan menurun

8. Jadual di bawah menunjukkan harga dan kuantiti ditawar terhadap penghawa dingin.

Bulan	Harga (RM)	Kuantiti ditawar (unit)
Januari 2019	1500	5000
Mac 2019	1500	8000

Faktor manakah yang mempengaruhi keadaan tersebut?

- A Pengguna semakin suka menggunakan alat tersebut
- B Kerajaan memberi Bantuan Khas kepada penjawat awam
- C Berlaku fenomena El Nino di dalam negara
- D Penggunaan buruh mahir yang ramai

9. Jadual di bawah menunjukkan kuantiti penawaran seluar oleh tiga buah firma.

Harga (RM)	Kuantiti penawaran (helai)		
	Firma R	Firma S	Firma T
20	100	120	140
22	120	140	160
24	140	160	180
26	160	180	200

Jika kuantiti permintaan pasaran seluar ialah 480 helai, berapakah tingkat harga keseimbangan pasaran?

- A RM 20
- B RM 22
- C RM 24
- D RM 26

10. Jadual berikut menunjukkan permintaan empat individu bagi Barang Q.

Harga (RM)	Kuantiti Permintaan (unit)				
	Individu R	Individu S	Individu T	Individu U	Pasaran Barang Q
3	450	560	520	780	2 310
9	380	460	480	Y	1 990

Hitungkan jumlah permintaan Barang Q bagi Individu S dan Individu U pada harga RM9.

- A 1130 unit C 1340 unit
 B 1320 unit D 1800 unit

11. Pernyataan yang manakah benar tentang penguncupan penawaran?

- A Harga barang tersebut menurun
 - B Penghapusan subsidi pengeluaran
 - C Peningkatan dalam kos bahan mentah
 - D Harga dijangka menurun pada masa hadapan

12. Jadual di bawah ini menunjukkan harga dan kuantiti penawaran bagi suatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti Penawaran (unit)
36	20
81	35

Hitung keanjalan harga penawaran bagi suatu barang jika harga berubah daripada RM36 kepada RM81.

- A 0.6 C 0.45
 B 0.4 D 0.5

13. Jadual di bawah ini menunjukkan harga dan kuantiti diminta bagi suatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
4	100
3	X

Keanjalan harga permintaan ialah 2. Berapakah nilai X apabila harga berubah daripada RM4 kepada RM3?

14. Jadual dibawah menunjukkan harga dan kuantiti diminta bagi barang Q.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
15	60
18	50

Antara berikut yang manakah **benar** menggambarkan barang Q apabila perubahan harga daripada RM18 kepada RM15?

15. Penawaran biskut bertambah daripada 160 unit kepada 220 unit apabila harga biskut meningkat daripada RM 1.50 kepada RM 2.00. Berapakah nilai keanjalan harga penawaran untuk biskut tersebut?

- | | |
|--------|--------|
| A 0.53 | C 1.13 |
| B 0.89 | D 1.88 |


16. Jadual berikut berkaitan dengan permintaan bagi buah durian.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (kg)
16	X
20	60

Sekiranya harga jatuh dari RM20 ke RM16 dan nilai keanjalan harga permintaan ialah 1.5, berapakah nilai X?

- | | |
|---------------|---------------|
| A 55 kilogram | C 72 kilogram |
| B 65 kilogram | D 78 kilogram |

17. Rajah di bawah menunjukkan keluk penawaran barang W.



Berapakah nilai keanjalan penawaran barang W?

- | | |
|-------|-------|
| A 0.3 | C 1.0 |
| B 0.5 | D 3.0 |

18. Maklumat berikut merujuk kepada nilai pekali keanjalan harga permintaan bagi barang S dan M.

Jenis barang	Barang S	Barang M
Nilai pekali keanjalan	1.4	0.6

Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh peniaga untuk meningkatkan hasil jualan bagi barang berikut?

	Barang S	Barang M
A	Naikkan harga	Turunkan harga
B	Turunkan harga	Naikkan harga
C	Turunkan harga	Turunkan harga
D	Naikkan harga	Naikkan harga

19. Antara berikut, barang yang manakah mempunyai pekali keanjalan harga penawaran kurang daripada satu?

- | | |
|------------|----------------|
| A Kereta | C Televisyen |
| B Komputer | D Kelapa sawit |

20. Maklumat di bawah mengenai barang Z.

Barang Z mempunyai keanjalan harga permintaan 2.5

Apakah implikasinya kepada pengeluar?

- A Menaikkan harga untuk meningkatkan jumlah hasil
- B Menanggung beban cukai yang lebih kecil berbanding pengguna
- C Menurunkan harga untuk meningkatkan jumlah hasil
- D Menikmati subsidi yang lebih besar berbanding pengguna

21. Jadual di bawah menunjukkan peratus perubahan harga dan kuantiti diminta suatu barang.

Jenis Barang	Peratus Perubahan Harga	Peratus Perubahan Kuantiti
Q	12	10

Pernyataan yang manakah **betul** tentang barang tersebut?

- A Contoh barang ialah kereta mewah
- B Terdapat banyak pengganti dalam pasaran
- C Naikkan harga untuk tingkatkan jumlah hasil
- D Pengguna lebih responsif terhadap perubahan harga

22. Jadual menunjukkan peratus perubahan harga dan kuantiti diminta bagi barang M.

Peratus Perubahan Harga	Peratus Perubahan Kuantiti Diminta
25	15

Apakah tindakan yang boleh dilakukan oleh pengeluar untuk meningkatkan hasil jualan bagi barang M?

- A Meningkatkan harga barang M
- B Menurunkan harga barang M
- C Meningkatkan teknologi dalam pengeluaran
- D Memohon subsidi daripada kerajaan

23. Seseorang pengeluar akan menggunakan strategi peningkatan harga barang jika

- A Tidak mempunyai banyak barang pengganti
- B Darjah ketagihan barang adalah rendah
- C Nisbah pendapatan yang dibelanjakan adalah besar
- D Jenis barang yang dikeluarkan adalah barang mewah

24. Apakah faktor yang mempengaruhi keanjalan harga permintaan suatu barang?

- | | |
|----------------|------------------------------------|
| A Jenis barang | C Mobiliti faktor pengeluaran |
| B Tambahan kos | D Ketersediaan stok atau inventori |

25. Pengeluar perlu meningkatkan harga barang untuk memaksimumkan jumlah hasil jika barang tersebut

- A tidak mempunyai banyak barang pengganti
- B darjah ketagihan barang adalah rendah
- C nisbah pendapatan yang dibelanjakan adalah besar
- D jenis barang yang dikeluarkan adalah barang mewah

26. Jadaul di bawah menunjukkan harga dan kuantiti diminta bagi dua jenis barang.

Jenis Barang	Peratus Perubahan Harga	Peratus Perubahan Kuantiti
Y	100	20
Z	50	100

Manakah **betul** berkaitan dengan barang Y dan barang Z berdasarkan jadual di atas.

- I Contoh barang Y ialah beras
 - II Pengguna sangat responsif terhadap barang Z
 - III Pengeluar perlu menaikkan harga barang Z untuk meningkatkan hasil jualan
 - IV Kecerunan keluk permintaan barang Y ialah landai
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
27. Permintaan sesuatu barang itu cenderung menjadi tidak anjal jika
- A Perbelanjaan merupakan sebahagian kecil daripada pendapatan
 - B Barang itu ialah barang kehendak
 - C Barang itu mempunyai banyak kegunaan
 - D Barang itu mempunyai banyak pengganti
28. Penawaran sesuatu barang menjadi anjal apabila
- A Berlaku tambahan kos pengeluaran yang sangat besar
 - B Bilangan firma yang sedikit dalam pasaran
 - C Mobiliti faktor pengeluaran yang rendah
 - D Pengeluaran berlaku dalam jangka masa Panjang
29. Jadual di bawah menunjukkan harga dan kuantiti diminta bagi suatu barang di pasaran.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
1.50	13
2.50	12

Pernyataan yang manakah **betul** jika harga meningkat?

- A Contoh barang adalah barang keperluan
 - B Nilai keanjalan harga permintaan melebihi 1
 - C Peratus kenaikan harga adalah sebanyak 50%
 - D Pengeluar akan menurunkan harga barang bagi memaksimumkan hasil
30. Antara berikut, apakah faktor cincin emas mempunyai nilai keanjalan harga permintaan yang anjal?
- I Barang tahan lama
 - II Mempunyai stok yang banyak
 - III Bilangan firma dalam pasaran adalah banyak
 - IV Nisbah perbelanjaan dengan pendapatan adalah besar
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

BAB 3 : PENDAPATAN INDIVIDU

1. Cik Lee Ying membeli sebuah telefon pintar berharga RM1900 dengan bayaran ansuran bulanan sebanyak RM160 sebulan.

Fungsi wang dalam pernyataan di atas ialah

- | | |
|--------------------------------|--------------|
| I Alat ukuran nilai | |
| II Alat bayaran tertunda | |
| III Alat simpanan nilai | |
| IV Alat perantaraan pertukaran | |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

2. Pilih pasangan yang **betul** berkaitan fungsi wang dan penyelesaian masalah sistem barter.

Fungsi wang	Masalah sistem barter
A Alat perantaraan pertukaran	Kesukaran menjalankan urusniaga kredit
B Alat ukuran nilai	Tiada kehendak serentak
C Alat simpanan nilai	Barang tidak tahan lama
D Alat bayaran tertunda	Pembahagian barang ke dalam unit kecil tidak dapat dilakukan

3. Situasi manakah menerangkan fungsi wang sebagai alat bayaran tertunda?
- A Cikgu Rohana mengunjungi lebih daripada tiga kedai peralatan komputer untuk membandingkan harga mesin pencetak
- B Puan Maimun membeli rantai emas pada harga diskauan 40%, sempena Sambutan Hari Ibu di Kedai Emas Sayangku
- C Encik Wahab memperuntukkan wang sebanyak RM500 untuk akaun tabungan di Tabung Haji
- D Cik Annisa membayar RM550 setiap bulan keretanya selama sembilan tahun
4. Situasi manakah yang menerangkan fungsi wang sebagai alat ukuran nilai?
- A Encik Ali membayar RM5000 sebagai deposit untuk kereta baharu
- B Cik Amri membayar RM250 setiap bulan untuk motosikalnya selama dua tahun
- C En Azam mengunjungi lebih daripada 10 kedai komputer untuk membandingkan harga komputer sebelum membeli
- D Puan Maimun membeli barang kemas pada harga diskauan 70% sempena jualan penghabisan stok oleh Intan Jewel Sdn Bhd
5. Mengapakah wang boleh digunakan sebagai alat bayaran tertunda?
- A Wang mempunyai nilai yang stabil
- B Wang merupakan alat pertukaran yang sah
- C Wang boleh digunakan untuk pembahagian nilai
- D Wang dapat mengatasi masalah keperluan dan kehendak serentak
6. Contoh manakah yang **betul** tentang fungsi wang sebagai alat simpanan nilai?
- A Pemilikan polisi insurans nyawa dari syarikat insurans Bersepadu Berhad
- B Penetapan harga perabot jati yang diterima dari Indonesia
- C Proses menjelaskan bayaran ansuran kereta dalam tempoh 9 tahun
- D Pembelian komputer riba baru berharga mahal

7. Maklumat yang berikut berkaitan dengan salah satu fungsi wang.

Encik Zahin membayar pendahuluan untuk rumah teres dua tingkat RM50 000 dan ansuran bulanan sebanyak RM3 500.

Apakah fungsi wang yang berkaitan dengan maklumat tersebut?

- I Alat perantaraan pertukaran
 - II Alat bayaran tertunda
 - III Alat ukuran nilai
 - IV Alat penyimpanan nilai
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

8. Gambar di bawah berkaitan dengan fungsi wang.



Apakah fungsi wang berdasarkan maklumat di atas?

- A Alat simpanan nilai dan alat bayaran tertunda
- B Alat ukuran nilai dan alat perantaraan pertukaran
- C Alat simpanan nilai dan alat perantaraan pertukaran
- D Alat ukuran nilai dan alat bayaran tertunda

9. Maklumat berikut berkaitan dengan fungsi wang.

Azman menerima RM500 Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) bagi fasa ke 3 tahun 2022. Beliau menggunakan wang tersebut untuk membeli barang keperluan seperti beras, tepung dan gula.

Apakah fungsi wang tersebut?

- A Alat perantaraan pertukaran
- B Alat ukuran nilai
- C Alat simpanan nilai
- D Alat bayaran tertunda

10. Wang boleh digunakan dalam pembelian barang secara ansuran.

Fungsi wang adalah sebagai alat

- A ukuran nilai
- B simpanan nilai
- C bayaran tertunda
- D perantaraan pertukaran

11. Situasi yang manakah menerangkan fungsi wang sebagai alat penyimpan nilai?
- A Puan Fauziah membuat perbandingan harga komputer riba
 - B Encik Baha mencarum ke akaun KWSP pada setiap bulan
 - C Puan Meena membeli rantai emas di kedai Hasleena
 - D Encik Faiz membayar RM10 000 sebagai deposit rumah barunya
12. Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan fungsi bank pusat?
- A Memberi pinjaman kepada orang ramai
 - B Mengawal kestabilan nilai mata wang
 - C Mengeluarkan mata wang asing
 - D Menyediakan kemudahan overdraf kepada bank perdagangan
13. Antara yang berikut, manakah yang menerangkan ciri-ciri akaun semasa?
- I Merupakan wang sah
 - II Diberikan kemudahan overdraf
 - III Dapat membuat bayaran dengan menggunakan cek
 - IV Semakin panjang tempoh simpanan, semakin tinggi kadar faedah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
14. Mengapakah bank pusat perlu mengawal kadar rizab berkanun bank perdagangan?
- A Menjaga kepentingan para pendeposit
 - B Mengawal penawaran wang dalam ekonomi
 - C Mengawal margin keuntungan bank perdagangan
 - D Meningkatkan kuasa beli masyarakat semasa inflasi
15. Apakah kelebihan menggunakan perkhidmatan overdraf dalam sesuatu urusniaga?
- A Boleh mengeluarkan wang tanpa had
 - B Pendeposit di bank perdagangan layak ditawarkan kemudahan ini
 - C Dapat digunakan oleh peniaga yang menghadapi masalah aliran tunai
 - D Faedah yang dikenakan tidak tertakluk terhadap wang yang dikeluarkan
16. Pernyataan manakah menunjukkan persamaan antara deposit tabungan dengan deposit semasa di bank perdagangan?
- I Disediakan buku akaun simpanan
 - II Pengeluaran wang pada bila-bila masa
 - III Kemudahan menggunakan kad ATM
 - IV Boleh memohon kemudahan overdraf
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
17. Pernyataan yang manakah betul tentang kelebihan pemegang akaun semasa?
- A Dikenakan caj perkhidmatan
 - B Menerima faedah yang tinggi
 - C Boleh mengeluarkan wang melebihi baki simpanan
 - D Mendapat sijil simpanan yang boleh digunakan untuk mendapatkan pinjaman bank
18. Puan Aqilah memberi arahan kepada bank untuk membayar bil elektrik kedainya pada 28 hb pada setiap bulan.
- Apakah kemudahan tersebut?
- A Draf bank
 - B Debit langsung
 - C Pindahan kredit
 - D Perintah sedia ada

19. Maklumat di bawah berkaitan dengan perkhidmatan Skim Perbankan Islam.

Bank sebagai pengusaha akan melaburkan wang pelabur ke dalam pelaburan halal. Keuntungan yang diperoleh akan dibahagi mengikut nisbah yang dipersetujui. Pelabur akan menanggung semua kerugian jika projek tersebut gagal.

Prinsip yang digunakan ialah

- | | |
|-----------|---------------------|
| A Takjiri | C Mudharabah |
| B Wadiah | D Bai Bithaman Ajil |

20. Kegiatan ekonomi di sektor kedua ialah

- | |
|--|
| A Mengeluar hasil bumi mengikut bentuk asal |
| B Menawar kegiatan sokongan kepada sektor lain |
| C Menyiap bangunan rumah kediaman |
| D Membekal barang untuk Kebajikan masyarakat |

21. Apakah faedah sampingan dalam pemilihan pekerjaan?

- | |
|---|
| A Kemudahan pinjaman beli kenderaan |
| B Masa perjalanan yang singkat ke pejabat |
| C Waktu bekerja yang fleksibel |
| D Tempat kerja berhawa dingin |

22. Encik Azman seorang jurutera di Syarikat Minyak dan Gas di Miri, Sarawak. Beliau memperoleh pendapatan bulanan sebanyak RM28 000.

Antara berikut, apakah faktor beliau memperolehi pendapatan sebanyak itu?

- | | |
|-----------------------|--------------|
| I Risiko pekerjaan | C II dan III |
| II Kelayakan akademik | D III dan IV |
| III Saiz firma | |
| IV Jaminan kerja | |

23. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pendapatan individu.

Encik Waheed bekerja sebagai kerani kewangan di sebuah bank. Dia membuat pelaburan dalam Amanah Saham Bumiputra. Dia menyewa sebuah gerai untuk menjual cenderahati dengan kadar sewa RM400 sebulan.

Apakah jenis pendapatan yang diterima oleh Encik Waheed?

- | | |
|------------|--------------|
| I Upah | C II dan III |
| II Dividen | D III dan IV |
| III Faedah | |
| IV Sewa | |

24. Maklumat di bawah berkaitan dengan Puan Jihan.

Puan Jihan memiliki sebuah kedai dua tingkat dan tiga buah rumah. Beliau bekerja sebagai kerani kewangan dengan gaji RM2 000 sebulan. Beliau menyewakan tiga buah rumah yang dimilikinya dengan RM400 sebuah rumah setiap bulan. Suaminya menguruskan perniagaan di kedai dua tingkat dan memperolehi keuntungan sebanyak RM5 700 sebulan.

Berapakah pendapatan bulanan yang diterima oleh keluarga Puan Jihan.

- | | |
|------------|------------|
| A RM 6 900 | C RM 8 900 |
| B RM 8 100 | D RM 9 300 |

25. Maklumat di bawah berkaitan dengan suatu jenis pendapatan individu

Encik Azman memberikan isterinya RM800 setiap bulan untuk tujuan perbelanjaan keluarga.

Apakah jenis pendapatan yang diterima oleh isteri Encik Azman?

- | | |
|----------|----------------------|
| A Upah | C Bayaran tanggungan |
| B Faedah | D Bayaran pindahan |

26. Pekerjaan manakah yang diwajibkan mencarum dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja?

- | | |
|---------------------|-------------------------|
| A Juruteknik kilang | C Pekebun kecil |
| B Peniaga di pasar | D Pemilik kedai tekstil |

27. Maklumat berikut adalah mengenai Puan Aliya.

Pendapatan tahunan Puan Aliya ialah RM48 000. Daripada jumlah ini, RM5 280 dicarumkan kepada KWSP, RM600 untuk potongan cukai pendapatan dan RM300 untuk bayaran zakat.

Hitungkan perbelanjaan penggunaan Puan Aliya jika tabungan adalah RM 4 600.

- | | |
|------------|------------|
| A RM37 220 | C RM41 820 |
| B RM37 520 | D RM43 400 |

28. Apakah kelebihan melakukan pembayaran secara tunai?

- | |
|--|
| A Pembayaran terhadap barang mewah mudah untuk dilakukan |
| B Melahirkan sikap berbelanja secara berhemah |
| C Dapat menikmati khidmat selepas jualan |
| D Risiko kehilangan wang adalah rendah |

29. Apakah kepentingan belanjawan peribadi?

- | |
|---|
| A Meningkatkan taraf hidup |
| B Membolehkan individu membeli barang melebihi pendapatan |
| C Mengelakkan kenaikan harga barang |
| D Membantu individu melancong ke luar negara |

30. Maklumat berikut berkaitan dengan langkah penyediaan belanjawan peribadi.

Langkah 1 – Menjumlahkan pendapatan boleh guna

Langkah 2 – X

Langkah 3 – Menyusun perbelanjaan mengikut keutamaan

Langkah 4 – Mengimbangkan pendapatan boleh guna dengan

Apakah X?

- | |
|---|
| A Mengira jumlah potongan wajib |
| B Mengira jumlah tabungan yang ada |
| C Mencatat semua perbelanjaan yang hendak dilakukan |
| D Menyusun semua potongan wajib mengikut keutamaan |

BAB 4 : PENGELUARAN

1. Pernyataan manakah **benar** tentang input berubah dalam fungsi pengeluaran jangka pendek sesuatu barang?
 - A Tidak wujud apabila output sifar
 - B Wujud dalam jangka pendek sahaja
 - C Contoh input berubah ialah tapak kilang
 - D Tidak berubah secara langsung dengan tingkat keluaran
2. Puan Umieda memerlukan ikan bilis, bawang, kuali, periuk dan pekerja untuk membuat nasi lemak. Apakah input tetap yang terlibat dalam proses pengeluaran tersebut?

A Ikan bilis, bawang dan kuali	C Ikan bilis, bawang dan pekerja
B Pekerja dan kuali	D Kuali dan periuk
3. Pilih pernyataan yang **benar** mengenai hukum pulangan berkurangan dalam pengeluaran firma.
 - A Berlaku kemajuan yang berterusan dalam tingkat teknologi pengeluaran
 - B Jumlah keluaran firma semakin meningkat apabila penggunaan input bertambah
 - C Jumlah keluaran semakin menurun jika input berubah ditambah berterusan ke atas input tetap
 - D Gabungan yang paling cekap antara input berubah dan input tetap untuk menambah output
4. Pilih pernyataan yang **benar** mengenai pengeluaran jangka panjang.
 - A Semua input yang digunakan dalam pengeluaran ialah input tetap
 - B Firma dapat mengubah tingkat output dengan menjalankan aktiviti R&D
 - C Wujudnya sekurang-kurang satu input tetap dalam pengeluaran
 - D Pertambahan output dapat dilakukan dengan menambah input tetap
5. Manakah antara yang berikut berkaitan proses pengeluaran?
 - A Kegiatan menghasilkan pelbagai faktor pengeluaran
 - B Tindakan membekalkan input dalam aktiviti pengeluaran
 - C Penggabungan sejumlah input untuk menghasilkan barang
 - D Kesediaan pengeluar menghadapi risiko ketidakpastian pasaran
6. Pasangan maklumat manakah yang **betul**?

	Input berubah	Input tetap
A	Bayaran ke atas input dikenali sebagai kos tetap	Bayaran ke atas input dikenali sebagai kos berubah
B	Wujud pada tingkat keluaran sifar	Tidak wujud pada tingkat keluaran sifar
C	Berubah secara langsung dengan perubahan output	Tidak berubah mengikut perubahan output
D	Contoh input ialah tapak perniagaan	Contoh input ialah juruteknik mesin

7. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis kos pengeluaran.

- ✓ Tidak perlu ditanggung apabila tiada keluaran
- ✓ Perubahan dalam keluaran akan mempengaruhi kos ini

Antara berikut, tindakan yang manakah merupakan contoh kos tersebut?

- A Pembiayaan jentera dan mesin
- B Pembelian premium insurans kilang
- C Perbelanjaan terhadap upah buruh
- D Pembayaran sewa bulanan premis

8. Jadual di bawah menunjukkan input dan keluaran sebuah firma.

Input Tetap	Input Berubah	Jumlah Keluaran
15	3	1 100
15	6	1 500
15	9	2 100
15	12	2 400

Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang jadual tersebut?

- I Proses pengeluaran adalah dalam jangka masa pendek
 - II Proses pengeluaran adalah dalam jangka masa panjang
 - III keluaran purata untuk input berubah ke-12 ialah 300 unit
 - IV keluaran marginal untuk input berubah ke-9 ialah 200 unit
- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

9. Jadual berikut menunjukkan jumlah kos pada pelbagai tingkat keluaran.

Keluaran (unit)	Jumlah kos (RM)
0	210
2000	360
4000	480
6000	770
8000	900

Berapakah kos berubah pada keluaran 4000 unit?

- | | |
|----------|----------|
| A RM 150 | C RM 290 |
| B RM 270 | D RM 420 |
10. Jadual di bawah menunjukkan input dan output sebuah firma.

Input berubah (unit)	Jumlah keluaran (unit)
1	5
3	19
8	44
10	51
13	62

Berapakah keluaran marginal firma bagi input berubah ke 10?

- | | |
|------------|------------|
| A 3.5 unit | C 5.2 unit |
| B 4.0 unit | D 8.0 unit |

11. Maklumat berikut menunjukkan kos pengeluaran bagi sebuah firma.

Kos tetap	RM 50.00
Kos berubah	RM 30.00
Kos purata	RM 2.00

Berapakah jumlah keluaran firma tersebut?

- | | |
|-----------|------------|
| A 40 unit | C 80 unit |
| B 60 unit | D 100 unit |

12. Jadual di bawah menunjukkan pengeluaran suatu barang.

Jumlah keluaran (unit)	Kos purata (RM)
5	20
10	15

Jika kos tetap ialah RM 70, berapakah kos berubah pada tingkat keluaran 10 unit?

- | | |
|---------|----------|
| A RM 50 | C RM 150 |
| B RM 80 | D RM 220 |

13. Jadual di bawah menunjukkan hubungan antara jumlah output dengan kos.

Jumlah output (unit)	Kos tetap (RM)	Kos berubah (RM)
1	200	30
2	200	60
3	200	90

Berapakah kos purata pada output ke-2?

- | | |
|----------|----------|
| A RM 130 | C RM 260 |
| B RM 200 | D RM 290 |

14. Maklumat berikut berkaitan dengan suatu jangka masa pengeluaran.

Terdapat input tetap dan input berubah

Apakah yang boleh dilakukan oleh pengusaha kilang roti jika ingin menambah pengeluaran dalam jangka masa tersebut?

- | | |
|--|--------------|
| I Membuka kilang baharu | |
| II Mengubah polisi insurans kilang | |
| III Meningkatkan stok bahan mentah | |
| IV Menambah bilangan pekerja kilang roti | |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

15. Maklumat berikut berkaitan dengan pengeluaran sebuah firma.

Output	:	1,000 unit
Harga jualan seunit	:	RM 15.00
Kos purata	:	RM 10.00

Berapakah untung firma tersebut?

- | | |
|------------|------------|
| A RM 5000 | C RM 15000 |
| B RM 10000 | D RM 25000 |

16. Maklumat berikut berkaitan dengan pengeluaran Syarikat Delima Berhad

Syarikat Delima Berhad mengeluarkan 8600 pasang baju kurung dan menjualnya dengan harga RM28 sepasang. Kos pengeluaran syarikat ialah:	
Kos bahan mentah	RM58 200
Upah buruh	RM32 000
Sewa bangunan	RM12 500
Bil elektrik, air dan telefon	RM10 200

Berapakah jumlah untung Syarikat Delima Berhad pada bulan tersebut?

- | | |
|--------------|--------------|
| A RM 127 900 | C RM 181 800 |
| B RM 150 600 | D RM 208 800 |

17. Antara yang berikut, yang manakah adalah **benar** tentang konsep produktiviti dalam ekonomi?

- A Daya pengeluaran yang cekap
- B Daya pengeluaran yang cekap dengan menggunakan faktor pengeluaran yang ada
- C Keupayaan untuk menghasilkan output daripada sejumlah input berubah yang sedia ada
- D Keupayaan untuk meningkatkan penghasilan output daripada sejumlah input yang diberikan

18. Maklumat di bawah berkaitan dengan produktiviti.

Syarikat Megah Sdn Bhd telah melakukan penambahbaikan untuk meningkatkan produktiviti dengan menambahkan pengkhususan dalam skop kerja sumber manusia selaras dengan penggunaan mesin canggih yang baharu diimport dari Jepun.

Tindakan tersebut berkaitan dengan faktor

- I Tanah
 - II Buruh
 - III Modal
 - IV Usahawan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

19. Antara yang berikut, manakah yang berkaitan dengan produktiviti ?

- I Peningkatan kos sara hidup
 - II Peningkatan penggunaan input
 - III Peningkatan pendapatan negara
 - IV Peningkatan nisbah output dengan input
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

20. Antara berikut, yang manakah menunjukkan peningkatan produktiviti?

	Input	Output
A	Tambah 5%	Kurang 10%
B	Kurang 10%	Kurang 15%
C	Tetap	Kurang 10%
D	Tetap	Tambah 15%

21. Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan peningkatan produktiviti sebuah firma?

- I Kelengkapan modal berfungsi baik
 - II Persekutaran kerja yang kondusif
 - III Lokasi kerja yang dekat dengan rumah
 - IV Prospek pekerjaan yang baik
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV


22. Antara berikut, yang manakah dapat meningkatkan tahap produktiviti di sektor perkilangan?

- I Penggunaan peralatan dan jentera lama
 - II Menggunakan buruh mahir yang cekap
 - III Membeli bahan mentah dengan banyak
 - IV Pengurusan yang sistematik dan cekap
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

23. Antara yang berikut, faktor manakah yang meningkatkan produktiviti bagi sebuah firma?
- I Tenaga kerja yang pasif diserap masuk ke dalam firma
 - II Penstrukturran organisasi yang khusus dalam skop kerja
 - III Kawasan persekitaran yang kondusif diperlukan
 - IV Penggunaan jentera yang terhad untuk keuntungan firma
- A I dan II
 - C II dan III
 - B I dan IV
 - D III dan IV
24. Pernyataan yang manakah merupakan faedah sampingan kepada kakitangan awam?
- A Menerima bonus yang lumayan pada akhir tahun
 - B Menikmati rawatan perubatan di klinik panel
 - C Mendapat elau tambahan kerja lebih masa
 - D Kemudahan pinjaman perumahan
25. Apakah faedah sosial jika kerajaan negeri Perlis membangunkan kawasan perindustrian di Lembah Chuping (Chuping Valley)?
- A Wujudnya masalah sosial
 - B Peluang pekerjaan yang tinggi
 - C Kos pengangkutan yang murah
 - D Kadar pengangguran meningkat
26. Apakah kos sosial yang timbul akibat pembinaan pasar raya besar di kampung?
- A Memudahkan penduduk kampung mendapatkan barang keperluan
 - B Penduduk kampung mendapat peluang pekerjaan
 - C Berlaku kesesakan jalan raya di kampung
 - D Pemilik pasar raya mendapat keuntungan
27. Manakah yang **betul** tentang eksternaliti positif?
- A Kesan sampingan yang dinikmati oleh pengguna daripada aktiviti pengeluaran
 - B Faedah kepada masyarakat tanpa melibatkan bayaran kepada pihak lain
 - C Meningkatkan keupayaan penghasilan barang dalam pasaran
 - D Harga lebih rendah kerana tidak mengambil kira kos luaran
28. Apakah kos sosial yang akan timbul apabila projek laluan Rel Pantai Timur (ECRL) telah siap dilaksanakan dan dibuka untuk kegunaan masyarakat?
- A Nilai harta tanah setempat meningkat
 - B Kadar pencemaran bunyi yang tinggi
 - C Kesesakan lalu lintas dapat dikurangkan
 - D Kemudahan pengangkutan awam yang lain semakin cekap
29. Pernyataan yang manakah betul tentang peranan kerajaan dalam mengawal selia pengeluar?
- A Kuota menyebabkan persaingan yang sihat antara pengeluar
 - B Pengenaan cukai menyebabkan firma lebih prihatin terhadap alam sekitar
 - C Dasar harga maksimum merupakan dasar penetapan harga yang lebih tinggi daripada harga keseimbangan
 - D Kerajaan memberi subsidi kepada pengguna untuk menstabilkan harga barang dan mengurangkan kos pengeluaran
30. Bagaimanakah pelaksanaan cukai oleh kerajaan dapat mengawal selia pengeluar?
- A Mengurangkan modal pengeluar
 - B Mengawal harga barang yang dijual
 - C Mengawal kualiti barang yang dikeluarkan
 - D Mengawal kadar pencemaran dalam pengeluaran

BAB 1 TINGKATAN 5

1. Gambar di bawah menunjukkan sejenis barang yang disediakan oleh kerajaan.



Berikut adalah tujuan kerajaan menyediakan barang tersebut, **kecuali**

- A Kerajaan berperanan sebagai pengeluar barang awam
- B Tiada pengecualian penggunaan
- C Hanya dikenakan bayaran yang sedikit kepada golongan B40
- D Merupakan sumbangan sosial kerajaan kepada rakyat

2. Manakah yang **betul** berkaitan dengan peranan kerajaan sebagai majikan?

- A Menyediakan faedah sampingan kepada penjawat awam
- B Membekalkan barang awam untuk kepuasan rakyat
- C Mengawal ketstabilan harga barang dalam pasaran
- D Melaksanakan dasar harga minimum demi kebijakan pengguna

3. Tindakan kerajaan yang manakah dapat mengawal kesan eksternaliti negatif?

- A Memberi subsidi untuk mengurangkan kos pengeluaran
- B Memusatkan kawasan perindustrian di luar kawasan perumahan
- C Mengenakan cukai terhadap produk yang memudaratkan kesihatan
- D Mengisyiharkan barang penggunaan sebagai barang kawalan

4. Antara berikut, padanan manakah yang **betul**?

	Objektif makroekonomi	Strategi
A	Guna tenaga penuh	Mengurangkan kadar pengangguran
B	Kestabilan harga	Kerajaan mengeluarkan barang keperluan
C	Pertumbuhan ekonomi	Mengawal pelaburan sektor swasta
D	Kestabilan imbalan pembayaran	Mengawal eksport negara

5. Manakah antara berikut akan menggalakkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara?

- A Penemuan sumber telaga minyak baru
- B Perpindahan penduduk dari luar bandar ke bandar
- C Pengurangan simpanan tabungan dalam kalangan isi rumah
- D Pelaburan membina kilang di luar negara

6. Apakah kesan pelaksanaan cukai oleh kerajaan dalam mengawal selia pengeluar?

- A Menggalakkan pengeluaran barang tertentu mengikut cadangan kerajaan
- B Meningkatkan beban pengeluaran barang yang membahayakan kesihatan
- C Menetapkan secara khusus kawasan perindustrian di lokasi tertentu
- D Mencegah aktiviti pengeluaran yang mencemarkan alam sekitar

7. Bagaimanakah kerajaan dapat mencapai objektif guna tenaga penuh?

- I Menaikkan gaji minimum
 - II Menggunakan intensif modal
 - III Transformasi digital dalam ekonomi
 - IV Meningkatkan mobiliti kelayakan dan kemahiran
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

8. Apakah peranan kerajaan dalam mengawal selia pengeluar agar tidak mengeksplotasi pengguna?

- A Melaksanakan dasar harga maksimum untuk menjamin kebajikan masyarakat
- B Menyediakan barang awam yang tidak mampu disediakan oleh pengeluar
- C Memberikan subsidi bagi menggalakkan penggunaan teknik yang lebih mesra alam
- D Mewujudkan monopoli semulajadi bagi mengelakkan penguasaan pasaran oleh swasta

9. Antara berikut, yang manakah merupakan tindakan kerajaan untuk mengawal kesan eksternaliti negatif?

- I Menetapkan dasar harga minimum
 - II Menentukan penempatan perindustrian
 - III Menjalankan pemantauan aktiviti pengeluaran firma oleh agensi kerajaan
 - IV Mengisytiharkan sesetengah barang pengguna sebagai barang kawalan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

10. Maklumat di bawah menunjukkan keadaan sesebuah ekonomi.

Harga input yang digunakan dalam proses pengeluaran produk karipap frozen meningkat sebanyak 7% menyebabkan harga karipap frozen di pasaran juga meningkat sebanyak 10%.

Antara yang berikut, jenis inflasi manakah yang berkaitan?

- A Inflasi bermusim
- B Inflasi diimport
- C Inflasi tolakan kos
- D Inflasi tarikan permintaan

11. Situasi manakah yang menyebabkan pengangguran kitaran?

- A Pekerja yang menghadapi kekurangan kemahiran
- B Pekerja yang hilang pekerjaan semasa kemelesetan ekonomi
- C Pekerja yang hilang pekerjaan kerana terlalu memilih pekerjaan
- D Pekerja yang meletak jawatan untuk mengharapkan pekerjaan lain

12. Mengapakah kerajaan ingin mencapai objektif tingkat guna tenaga penuh?

- I Mencapai kecekapan peruntukan sumber ekonomi
 - II Memaksimumkan jumlah kapasiti pengeluaran
 - III Menurunkan kuasa beli masyarakat
 - IV Mengurangkan daya saing negara
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

13. Maklumat berikut berkaitan jenis sumber hasil kerajaan.

$$\text{Jumlah Hasil} = \text{Cukai langsung} + S + \text{Hasil bukan cukai}$$

Pernyataan yang manakah **betul** tentang S?

- A Bebanan boleh dipindah kepada pihak lain
- B Merapatkan jurang antara masyarakat
- C Sumbangan terbesar hasil kerajaan
- D Contohnya ialah duti setem

14. Manakah merupakan hasil cukai langsung kerajaan?

- A Cukai jualan
- B Cukai pintu
- C Duti import
- D Duti eksais

15. Contoh yang manakah merupakan perbelanjaan pembangunan kerajaan?

- A Belanja menyiapkan klinik kesihatan di Manong, Kuala Kangsar
- B Agihan subsidi alat tangkapan ikan kepada nelayan di Pantai Remis
- C Membayar kos penyelenggaraan makmal komputer di SMK Selinsing
- D Serahan kepada kerajaan Perak untuk baik pulih jalan raya yang rosak di Taiping

16. Maklumat berikut menunjukkan satu contoh perbelanjaan pembangunan kerajaan.

Sebanyak RM 1.3 bilion diperuntukkan kepada Perbadanan Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PRIMA) untuk pembinaan rumah bagi isi rumah berpendapatan sederhana antara RM 2 500 dan RM 10 000.

Apakah komponen perbelanjaan tersebut?

- A Bekalan dan perkhidmatan
- B Perkhidmatan ekonomi
- C Perkhidmatan sosial
- D Pentadbiran am

17. Pilih pasangan yang **betul**.

	Butiran	Keterangan
A	Emolumen	Gaji kakitangan awam dan swasta yang masih berkhidmat
B	Bekalan dan perkhidmatan	Perbelanjaan keraian pegawai kerajaan
C	Bayaran khidmat hutang	Bayaran balik pokok dan faedah secara sekaligus untuk menjelaskan hutang negara
D	Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri	Diberikan secara sama rata kepada setiap kerajaan negeri

18. Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang perbelanjaan mengurus?

- I Puan Siti Hajar menerima pencen bulanan sebanyak RM 2500
 - II Kerajaan membesarakan pelabuhan perikanan di Tok Bali, Kelantan
 - III Kementerian Pendidikan membina sebuah sekolah menengah di Taiping, Perak
 - IV Encik Ali bekerja sebagai kerani dan menerima gaji setiap bulan sebanyak RM 3500
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

19. Pernyataan berikut berkaitan dengan perbelanjaan kerajaan.

Menyediakan prasarana untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia.

Perbelanjaan pembangunan sektor manakah yang berkaitan dengan maklumat di atas?

- A Sektor perkhidmatan ekonomi
- B Sektor perkhidmatan sosial
- C Sektor pentadbiran am
- D Sektor keselamatan

20. Antara berikut, yang manakah tindakan pengeluar mengeksplotasi pengguna yang akan menjaskan kebijakan masyarakat?

- A Menetapkan harga barang keperluan pada paras yang tinggi
- B Menjual barang yang selamat dan mendapat pengiktirafan logo halal
- C Mengeluarkan barang yang berkualiti tinggi dengan harga yang berpatutan
- D Mengeluarkan barang dan perkhidmatan dalam kuantiti yang banyak supaya dapat bersaing di peringkat antarabangsa

21. Apakah kesan penurunan kadar faedah terhadap pengguna?

- A Kos pinjaman meningkat
- B Perbelanjaan pengguna dalam ekonomi meningkat
- C Pengguna akan mengurangkan jumlah pinjaman
- D Pengguna perlu menyediakan lebihan wang semasa berbelanja

22. Maklumat berikut berkaitan dengan ketidakstabilan ekonomi.

Indeks Harga Pengguna (IHP) berada pada paras 3.9% dalam tempoh 8 bulan pertama 2017, berbanding 2.3% dalam tempoh masa yang sama tahun lalu.

Apakah tindakan yang sesuai diambil oleh kerajaan untuk mengawal keadaan tersebut?

	Dasar fiskal	Kadar cukai	Perbelanjaan kerajaan
A	Mengembang	Naik	Turun
B	Menguncup	Turun	Naik
C	Mengembang	Turun	Naik
D	Menguncup	Naik	Turun

23. Maklumat berikut berkaitan dengan dasar kerajaan.

Tindakan kerajaan menikkan kadar dasar semalam (OPR) iaitu kadar faedah pinjaman meningkat pada 11 Mei dan 6 Julai yang lalu adalah langkah mengawal inflasi ketika tempoh fasa peralihan ke endemik.

Pernyataan yang manakah menunjukkan kesan tindakan tersebut?

- A Kekurangan pendapatan
- B Harga barang meningkat
- C Pengurangan jumlah pinjaman
- D Menambahkan perbelanjaan masyarakat

24. Bagaimanakah bank pusat mengawal peningkatan kadar pengangguran?

	Rizab berkanun	Syarat sewa beli	Kadar faedah
A	Diturunkan	Diketatkan	Dinaikkan
B	Diturunkan	Dilonggarkan	Diturunkan
C	Dinaikkan	Dilonggarkan	Dinaikkan
D	Dinaikkan	Diketatkan	Diturunkan

25. Pernyataan yang manakah **betul** tentang dasar kewangan mengembang?

- A Dapat meningkatkan kuasa beli pengguna
- B Bertujuan mengurangkan permintaan agregat
- C Boleh dilakukan dengan menaikkan kadar cukai
- D Dilaksanakan untuk mengatasi masalah inflasi dalam negara

26. Manakah yang **betul** tentang dasar fiskal menguncup?

- A Mengurangkan perbelanjaan pembangunan
- B Menurunkan kadar cukai pendapatan
- C Menambahkan bilangan tenaga kerja
- D Meningkatkan permintaan agregat


27. Maklumat berikut berkaitan dengan satu alat dasar kewangan.

Bank Negara Malaysia telah bertindak mengubah Kadar Dasar Semalam (OPR) daripada 2.75% kepada 3.00%

Apakah kesan tindakan tersebut kepada firma?

- A Aktiviti penyelidikan dan pembangunan produk berkurang
- B Daya saing meningkat
- C Produktiviti bertambah
- D Pelaburan agregat meningkat

28. Maklumat di bawah menunjukkan tindakan bank pusat untuk mengawal ketidakstabilan ekonomi.



Pasangan yang manakah **betul** tentang pelaksanaan tindakan bank pusat tersebut?

	Dasar kewangan	Tindakan
A	Menguncup	Kurangkan nisbah rizab berkanun
B	Mengembang	Jual surat jaminan kerajaan
C	Menguncup	Longgarkan syarat sewa beli
D	Mengembang	Turunkan kadar faedah atas pinjaman

29. Bagaimanakah kerajaan mengawal kemelesetan ekonomi melalui dasar fiskal?

- I Menurunkan kadar cukai pendapatan individu
 - II Meningkatkan projek infrastruktur luar bandar
 - III Memperkenalkan cukai tak langsung yang baru
 - IV Mengurangkan projek pembangunan yang tidak produktif
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

30. Bagaimanakah tindakan bank pusat melalui dasar kewangan dapat meningkatkan bekalan wang dalam ekonomi?

- A Meningkatkan nisbah rizab berkanun
- B Memanjangkan tempoh bayaran balik pinjaman
- C Menaikkan kadar faedah pinjaman
- D Menjual surat jaminan kerajaan

BAB 2 TINGKATAN 5

1. Bagaimanakah kerajaan menggalakkan globalisasi?
 - A Pengecualian visa untuk pelancong negara tertentu
 - B Pelupusan duti import untuk semua barang import
 - C Pengecualian levi untuk pekerja asing di Malaysia
 - D Pelupusan duti setem untuk rakyat asing yang membeli hartanah di Malaysia
2. Manakah yang merupakan kepentingan perdagangan antarabangsa?
 - A Menimbulkan lambakan
 - B Mengurangkan mobiliti tenaga buruh
 - C Meneruskan kebergantungan terhadap sektor eksport
 - D Menggalakkan pemindahan dan penggunaan teknologi
3. Syarikat Multinasional Amerika Syarikat yang mengeluarkan peralatan komunikasi berpindah dari Malaysia ke China.
Apakah faktor yang mendorong firma tersebut berpindah operasinya?
 - I Tenaga buruh yang lebih banyak di China
 - II Saiz pasaran yang lebih luas di China
 - III Upah yang lebih rendah di Malaysia
 - IV Kecekapan kemudahan asas di Malaysia

A I dan II	C II dan III
B I dan IV	D III dan IV
4. Maklumat yang berikut berkaitan dengan sebab wujudnya perdagangan antarabangsa.

New Zealand mengeluarkan dan mengeksport buah anggur ke Malaysia.
- Apakah faktor tersebut?
 - A Harga faktor
 - B Iklim dan tanah
 - C Sumber semulajadi
 - D Tingkat kecekapan pengeluaran
5. Pernyataan manakah yang menggambarkan ciri-ciri globalisasi?
 - I Blok perdagangan tidak digalakkan
 - II Kaedah berkomunikasi melalui internet
 - III Perkembangan pasaran peringkat global
 - IV Liberalisasi perdagangan semakin tidak digalakkan

A I dan II	C II dan III
B I dan IV	D III dan IV
6. Antara berikut, manakah risiko yang paling mudah diatasi oleh syarikat multinasional?
 - A Perubahan politik
 - B Tenaga buruh tidak berkemahiran
 - C Kehilangan aset akibat perpeperangan
 - D Kesukaran mendapat balik keuntungan

7. Antara berikut, yang manakah merupakan faktor yang mempengaruhi globalisasi?
- A Kenaikan taraf printis
 - B Perkembangan ekonomi
 - C Perkembangan teknologi maklumat
 - D Kenaikan kadar pertukaran mata wang asing
8. Sekatan bukan ekonomi dikenakan untuk menjamin keselamatan dan kesihatan rakyat negara. Apakah jenis produk yang akan dikenakan sekatan bukan ekonomi?
- A Produk yang tidak tahan lama dan mudah pecah
 - B Produk yang menepati piawaian dan mutu SIRIM
 - C Produk yang membahayakan kesihatan pengguna
 - D Produk yang mematuhi peraturan dan undang-undang
9. Maklumat berikut berkaitan dengan dua jenis cukai yang dikenakan oleh kerajaan.
- ✓ Tarif spesifik sebanyak RM300 dikenakan ke atas setiap unit mesin pemotong daging yang diimport.
 - ✓ Tarif ad valorem sebanyak 10% dikenakan ke atas kasut sukan yang diimport.
- Antara yang berikut, yang manakah tujuan cukai tersebut dikenakan?
- | | |
|---------------------------------------|---------------------------------------|
| I Melindungi industri muda tempatan | III Menggalakkan pemindahan teknologi |
| II Meningkatkan kecekapan pengeluaran | IV Meningkatkan sumber hasil kerajaan |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |
10. Apakah kebaikan sekatan perdagangan antarabangsa kepada negara?
- A Mengurangkan eksport
 - B Meningkatkan peluang pekerjaan
 - C Menambahkan penawaran barang import
 - D Mengurangkan permintaan barang tempatan
11. Kuota memberi kebaikan kepada negara kerana dapat
- A meningkatkan pendapatan negara
 - B mempelbagaikan pilihan barang kepada pengguna
 - C menggalakkan persaingan yang sihat
 - D memperbaikiimbangan pembayaran
12. Apakah tujuan kerajaan melaksanakan sekatan bukan ekonomi dalam perdagangan antarabangsa?
- A Menjamin keselamatan dan kesihatan rakyat Malaysia
 - B Sumber hasil negara
 - C Menghadkan pembelian pertukaran asing
 - D Menggalakkan perkembangan industri penggantian import negara

13. Maklumat berikut berkaitan dengan dua jenis cukai yang dikenakan oleh kerajaan.

- ✓ Tarif spesifik sebanyak RM300 dikenakan ke atas setiap unit mesin pemotong daging yang diimport.
- ✓ Tarif ad valorem sebanyak 10% dikenakan ke atas kasut sukan yang diimport.

Antara yang berikut, yang manakah tujuan cukai tersebut dikenakan?

- I Melindungi industri muda tempatan
 - II Meningkatkan kecekapan pengeluaran
 - III Menggalakkan pemindahan teknologi
 - IV Meningkatkan sumber hasil kerajaan
- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

14. Pernyataan manakah yang menerangkan kesan negatif pelaburan langsung asing?

- I Merapatkan jurang perbezaan pendapatan
 - II Mewujudkan persaingan yang tidak adil kepada firma tempatan
 - III Mengekspoitali sumber alam berlebihan
 - IV Meningkatkan pendapatan negara
- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

15. Pasangan manakah yang **betul** tentang kesan pelaburan langsung asing kepada negara?

	Kesan	Keterangan
A	Negatif	Daya saing firma asing meningkat
B	Positif	Aliran untung ke luar negara bertambah
C	Negatif	Jumlah kemasukan modal asing dalam negara tinggi
D	Positif	Meningkatkan kemahiran modal insan

16. Pernyataan manakah yang menggambarkan liberalisasi?

- A Daya saing firma tempatan meningkat
- B Mobiliti sumber ekonomi lebih terbatas
- C Mewujudkan halangan bagi kemasukan barang import
- D Menafikan halangan bagi aliran barang merentasi sempadan

17. Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) dilakukan dengan tujuan untuk

- A Menarik pelaburan langsung asing ke negara anggota
- B Mengurangkan pengangguran dalam kalangan negara anggota
- C Memperoleh barang dagangan dari negara maju dengan lebih murah
- D Mewujudkan monopoli dalam pengeluaran barang di negara anggota

18. Jadual berikut menunjukkan akaun semasa bagi negara X.

Butiran	RM (Juta)
Eksport barang	180
Import barang	110
Perkhidmatan kewangan	50
Perjalanan dan pengangkutan	-70
Akaun pendapatan	-30

Berapakahimbanganakaunsemasabagi negara X?

- | | |
|--------------|--------------|
| A RM 5 juta | C RM 50 juta |
| B RM 20 juta | D RM 70 juta |

19. Antara yang berikut, manakah yang **betul** tentang imbangan pembayaran cenderung positif bagi Malaysia?

20. Apakah kesan dasar lambakan barang dari negara China ke atas Malaysia?

21. Manakah yang benar tentang imbalan pembayaran?

22. Situasi yang manakah menunjukkan kepentingan Pound Sterling kepada Malaysia?

- A Syarikat Indera Putera mengimport perabot jati dari Britain
 - B Pelancong dari Jepun melancong ke Langkawi sempena LIMA 2014
 - C Usahawan muda dari Kota Bharu mengeksport kain batik ke Indonesia
 - D Syarikat pembuatan baju dari Korea Selatan membina kilang di Pasir Gudang, Johor

23. Jadual di bawah berkaitan dengan perubahan kadar pertukaran asing antara mata wang Dolar Singapura dengan mata wang Ringgit Malaysia.

Tahun	Kadar Pertukaran Asing
2017	S\$1 = RM3.00
2016	S\$1 = RM3.20

Antara berikut, manakah yang betul bagi menerangkan kesan perubahan tersebut?

- I Import Malaysia naik
- II Jumlah eksport Malaysia bertambah
- III Imbangan dagangan menjadi positif
- IV Harga barang eksport menjadi lebih mahal
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

24. Seorang pelancong dari Amerika Syarikat ingin membeli seutas jam tangan yang berharga RM1000 di sebuah pasaraya di Pulau Langkawi. Berapakah harga jam tersebut dalam Dolar Amerika Syarikat sekiranya kadar pertukaran 1USD adalah seperti jadual di bawah.

Harga Jualan (RM)	Harga Belian (RM)
4.178	4.065

- A USD4178 C USD239.35
- B USD4065 D USD246

25. Pilih pasangan yang **betul**.

I	Kenaikan kadar pertukaran asing	Harga eksport mahal	Jumlah nilai eksport menurun
II	Penurunan kadar pertukaran asing	Harga import murah	Jumlah nilai import meningkat
III	Kenaikan kadar pertukaran asing	Harga eksport murah	Jumlah nilai eksport meningkat
IV	Penurunan kadar pertukaran asing	Harga import mahal	Jumlah nilai import menurun

- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

26. Maklumat di bawah menunjukkan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Pound Sterling (£) dan Dolar Singapura (SGD).

$$\text{£}1.00 = \text{RM}6.00$$

$$\text{SGD}1.00 = \text{RM}3.00$$

Berapakah nilai satu Pound Sterling dalam mata wang Dolar Singapura?

- A £1.00 = SGD0.50
- B £1.00 = SGD1.50
- C £1.00 = SGD2.00
- D £1.00 = SGD4.50

27. Pertukaran asing diperlukan oleh sesebuah negara untuk tujuan

- I Membayar import
 - II Mendapatkan pinjaman dari luar negara
 - III Mendapatkan pelaburan langsung asing
 - IV Mempertahankan nilai mata wang negara
- A I dan II C II dan III
 - B I dan IV D III dan IV

28. Apakah faktor yang menyebabkan kejatuhan permintaan terhadap Ringgit Malaysia?

- A Kenaikan kadar faedah dalam Malaysia
- B Pertambahan dalam jumlah eksport negara Malaysia
- C Nilai Ringgit Malaysia dijangka meningkat pada masa hadapan
- D Kegemaran rakyat Malaysia membeli barang buatan tempatan

29. Maklumat di bawah menunjukkan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Dollar Singapura (SGD).

$$\boxed{\text{RM } 1.00 = \text{SGD } 0.40}$$

Berapakah nilai dalam Ringgit Malaysia jika seorang pelajar membeli sebuah buku berharga SGD120 melalui sebuah portal atas talian?

- A RM200 C RM265
- B RM255 D RM300

30. Jadual di bawah menunjukkan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia dengan negara asing.

Mata Wang	Harga Belian (RM)	Harga Jualan (RM)
1 Euro	4.9258	4.9795

Seorang pelancong dari Itali ingin menukarkan 400 Euro kepada Ringgit Malaysia. Berapakah Ringgit Malaysia yang diterima olehnya?

- C RM1315.88 C RM1991.80
- D RM1596.00 D RM1970.32

SOALAN STRUKTUR
TINGKATAN 4
BAB 1: PENGENALAN KEPADA EKONOMI

- 1 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan faktor pengeluaran

Maklumat A	Maklumat B
Individu mahir dan tidak mahir	Peralatan jentera dan bangunan kilang

Berdasarkan maklumat di atas, bandingkan faktor pengeluaran yang terlibat.

.....

[5 markah]


- 1 (b) Maklumat berikut berkaitan dengan satu ciri sistem ekonomi bagi negara A.

Mekanisme pasaran mempengaruhi pemilihan sama ada intensif buruh atau modal.

.....

[4 markah]

- 1 (c) Rajah di bawah menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran sebuah firma.



Jelaskan keadaan kombinasi pengeluaran pada titik P dan Q

.....

[6 markah]

- 1(d) Persaingan yang adil dan saksama antara individu wujud dalam sistem ekonomi Islam. Jelaskan.
-

[5 markah]

TINGKATAN 4**BAB 2.1: KESEIMBANGAN PASARAN**

- 1 (a) Jadual menunjukkan permintaan terhadap roti.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (unit)	
	Ali	Ahmad
3	8	15
1	10	30

Dengan menggunakan kertas graf yang disediakan, lukiskan keluk permintaan pasaran tersebut. [6 markah]

- 1 (b) Jelaskan pembentukan keluk pasaran tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[6 markah]

- 1 (c) Terangkan tiga penentu permintaan bukan harga barang itu.

.....
.....
.....
.....
.....

[6 markah]

- 1 (d) Jelaskan hukum penawaran.

.....
.....
.....


[2 markah]

- 2 (a) Dengan bantuan jadual yang sesuai, jelaskan hukum permintaan bagi suatu barang.

.....
.....
.....
.....
.....

[6 markah]

- 2 (b) Rajah di bawah menunjukkan keluk permintaan dan keluk penawaran untuk sesuatu barang.



Jelaskan keadaan pada tingkat harga berikut:

- i. RM600

.....

[2 markah]

- ii. RM200

.....

[2 markah]

- iii. RM900

.....

[2 markah]

- 2 (c) Jadual menunjukkan permintaan dan penawaran pasaran bagi suatu jenama jersi sukan.

Harga (RM/helai)	Kuantiti Permintaan (ribu helai)	Kuantiti Penawaran	
		Firma A	Firma B
18	20	4	1
20	15	6	3
25	12	7	5
30	10	12	8

Jelaskan keadaan pasaran pada ketika harga RM25.

.....

[4 markah]

- 2 (d) Jelaskan konsep yang berikut.

- i. Penguncupan penawaran

.....

[2 markah]

- ii. Pengembangan penawaran

.....

[2 markah]

TINGKATAN 4**BAB 2.1: KEANJALAN HARGA**

- 1 (a) Jadual di bawah menunjukkan peratus perubahan kuantiti diminta dan peratus perubahan harga bagi barang W.

Jenis barang	Peratus perubahan kuantiti diminta	Peratus perubahan harga
Barang W	9	30

- i. Hitungkan nilai keanjalan harga permintaan bagi barang tersebut.

.....
.....
.....

[2 markah]

- ii. Tafsirkan keanjalan harga permintaan di atas

.....
.....
.....

[2 markah]

- iii. Maklumat yang berikut menunjukkan pekali keanjalan permintaan dua barang.

Jenis Barang	Pekali keanjalan harga permintaan
Barang X	0.7
Barang Y	2.5

Barang yang manakah merupakan barang mewah? Berikan alasan anda.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[5 markah]

- 1 (b) Jelaskan maksud keanjalan harga penawaran.

.....
.....
.....

[2 markah]

- 1 (c) Maklumat yang berikut berkaitan dengan Syarikat Win Win Sdn. Bhd. yang mengeluarkan beg sekolah pada tahun 2018 dan 2019.


Tahun 2018		Tahun 2019	
Harga (RM)	Kuantiti (unit)	Harga (RM)	Kuantiti (unit)
20	25 000	30	42 00

Terangkan tiga penentu yang menyebabkan perubahan output Syarikat Win Win Sdn. Bhd. pada tahun 2019.

.....
.....
.....
.....
.....

[6 markah]

- 1 (d) Rajah di bawah menunjukkan keluk penawaran suatu barang.



Hitung nilai pekali keanjalan harga penawaran barang tersebut.

.....
.....
.....

[3 markah]

TINGKATAN 4**BAB 3: WANG, BANK DAN PENDAPATAN INDIVIDU**

- 1 (a) Terangkan fungsi bank pusat sebagai jurubank kepada kerajaan.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- 1 (b) Jelaskan kelebihan kaedah pembayaran secara kredit.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[6 markah]

- 1 (c) Terangkan tiga kemudahan pembayaran yang disediakan oleh bank perdagangan atas arahan pelanggan.

.....
.....
.....
.....
.....

[6 markah]

- 1 (d) Terangkan penggunaan pendapatan boleh guna individu.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- 2 (a) Bezakan keperluan dan kehendak.

.....
.....
.....
.....
.....

[6 markah]

- 2 (b) Jelaskan dua faedah sampingan yang mempengaruhi pemilihan sesuatu pekerjaan.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- 2 (c) Jelaskan jenis pendapatan bagi individu yang tidak memberi sumbangan dalam proses pengeluaran.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- 2 (d) Huraikan kepentingan belanjawan peribadi.

.....
.....
.....
.....
.....

[6 markah]

TINGKATAN 4
BAB 4: PENGELUARAN

- 1 (a) Terangkan konsep firma.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- 1 (b) Apakah definisi pengeluaran?

.....
.....
.....

[2 markah]

- 1 (c) Gambar di bawah ini menunjukkan aktiviti pengeluaran yang dijalankan di sebuah kilang.



- i. Nyatakan 2 jenis input yang terdapat dalam gambar tersebut.

.....
.....
.....

[2 markah]

- ii. Bandingkan kedua-dua jenis input tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....

[5 markah]

- 1 (d) Maklumat yang berikut berkaitan dengan pengeluaran bagi Kilang Lazat Enak.

Kilang Lazat Enak telah mengeluarkan 5 000 biji pau dalam sehari dengan menggunakan 15 orang pekerja. Tambahan lima orang pekerja telah Berjaya meningkatkan pengeluaran pau sebanyak 6 000 biji pau sehari.

- i. Hitung keluaran purata Kilang Lazat Enak pada pengguna 15 orang pekerja

.....
.....
.....

[2 markah]

ii. Hitung keluaran marginal pada penggunaan 20 orang pekerja

.....
.....
.....

[2 markah]

iii. Nyatakan **tiga** contoh input tetap yang terdapat pada kilang pau untuk pengeluaran jangka pendek.

.....
.....
.....

[3 markah]

2 (a) Jelaskan konsep kos pengeluaran.

.....
.....
.....
.....

[5 markah]

2 (b) ZARA Global Enterprise merupakan pengeluar kain satin beropersi dalam pengeluaran jangka pendek. Jadual di bawah ini menunjukkan kos yang ditanggung oleh syarikat tersebut pada bulan Oktober 2023.

Butiran	Jumlah (RM)
Sewa kilang	40 000
Upah buruh	30 000
Mesin	32 000
Bahan mentah	45 700
Bil ultiliti	10 500
Insurans kilang	4 500

i. Hitung jumlah kos berubah.

.....
.....

[2 markah]

ii. Hitung jumlah kos.

.....
.....

[2 markah]

iii. Hitung kos purata jika jumlah jualan ialah 50 000 unit.

.....
.....

[2 markah]

2 (c) Jadual di bawah ini menunjukkan fungsi kos pengeluaran jangka pendek Firma YY.

Buruh (Orang)	Jumlah Kos (RM)	Kos Purata (RM)	Kos Marignal (RM)
0	0	-	-
1	10	10	10
2	X	25	35
3	80	Y	40
4	150	37.5	70
5	200	40	Z
6	200	33.3	0
7	170	24.3	30

i. Berapakah nilai X,Y dan Z

.....
.....
.....

[3 markah]

ii. Jelaskan hubungan antara kos purata dan kos marginal pada buruh yang berikut:

- 0 hingga 4 orang

.....
.....
.....

[3 markah]

- 5 hingga 7 orang

.....
.....
.....

[3 markah]

TINGKATAN 5

BAB 1.0: EKONOMI DAN KERAJAAN

1.1: PERANAN KERAJAAN DALAM EKONOMI

- 1 (a) Petikan berikut menunjukkan salah satu projek infrastruktur pengangkutan awam darat yang terbesar dilaksanakan Malaysia



MRT Lembah Klang (KVMRT) adalah satu projek infrastruktur pengangkutan awam darat yang terbesar di Malaysia setakat ini. Projek ini disenaraikan sebagai Projek Permulaan (EPP) di bawah Program Transformasi Ekonomi Greater Kuala Lumpur (GKL)/ Lembah Klang oleh Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), akan mendorong integrasi dan kecekapan pengangkutan awam bandar.

Sumber: Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat

Jelaskan peranan yang dimainkan oleh kerajaan untuk menjaga kebijakan masyarakat dan kemakmuran negara.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[6 markah]

- 1 (b) Kerajaan sebagai majikan menyediakan pelbagai faedah sampingan kepada penjawat awam. Jelaskan.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- 1 (c) Gambar di bawah menunjukkan satu projek yang dilaksanakan oleh kerajaan.



Jelaskan sebab kerajaan perlu melaksanakan projek tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....

[5 markah]

- 1 (d) Jelaskan kepentingan pencapaian pertumbuhan ekonomi yang mampan kepada negara.

.....
.....
.....
.....
.....

[5 markah]

- 2 (a) Gambar di bawah menunjukkan sejenis barang dalam ekonomi.



Jelaskan barang tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....

[6 markah]

2 (b)

Terdapat beberapa aduan daripada pengguna berkaitan dengan tindakan sesetengah pengeluar yang menaikkan harga barang kawalan semasa musim Hari Raya Aidilfitiri baru-baru ini. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) akan mengambil tindakan kepada pengeluar yang berkenaan.

i. Jelaskan barang kawalan

.....
.....
.....

[4 markah]

ii. Bagaimanakah kerajaan mengatasi masalah tersebut?

.....
.....
.....
.....
.....

[6 markah]

2 (c) Gambar di bawah menunjukkan kesan luaran akibat kegiatan firma.



Jelaskan peranan kerajaan mengatasi kesan tersebut?

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

TINGKATAN 5

1.2 :PENUNJUK EKONOMI

- 1 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan satu petunjuk ekonomi.

Indeks Harga Pengguna (IHP) telah berubah daripada 120 pada Ogos 2020 kepada 122.5 pada Ogos 2021.

Sumber:ubah suai daripada sinaranharian.com.my, 24 September 2021

Jelaskan kesan perubahan tersebut kepada isi rumah.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- 1 (b) Sekiranya keadaan ini berterusan. Jelaskan kesan terhadap:

i. Tabungan

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

ii. Eksport negara

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- 1 (c) Maklumat berikut berkaitan dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

KDNK Malaysia dijangka berkembang dengan mencatatkan sebanyak tiga mata peratusan kepada 6.1% tahun 2022

Sumber:diubah suai daripada www.sinaranharian.com.my, 14 Februari 2022

Maklumat tersebut memberi kebaikan kepada Kerajaan Malaysia. Jelaskan.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- 1 (d) Apakah faktor yang menyebabkan ekonomi sesebuah negara berkembang maju? Jelaskan.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- 2 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan pengangguran.

Pengangguran belia tinggi kekal cabaran utama

Kuala Lumpur:Malaysia terus berdepan cabaran pengangguran golongan belia yang tinggi iaitu 10.8 peratus berikutan faktor ketidakseimbangan Kemahiran serta jurang struktur asas antara sistem pendidikan dan industri ,kata penganalisis.

Sumber: diubah suai daripada <http://www.bharian.com.my>,
18 September 2018

Terangkan jenis pengangguran tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- 2 (b) Jelaskan kesan pengangguran tersebut terhadap masalah sosial negara.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[6 markah]

- 2 (c) Petikan akhbar berikut berkaitan dengan inflasi

Inflasi dijangkakan meningkat 3% pada tahun 2024. Jangkaan ini dibuat berdasarkan penghapusan subsidi ke atas harga barang terpilih,harga bahan api yang lebih tinggi, dan penyusutan ringgit yang menyebabkan kenaikan harga barang import yang lain.

Sumber: diubah suai daripada <http://www.bharian.com.my>,
27 Mei 2024

i. Terangkan jenis inflasi tersebut.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

ii. Bagaimanakah Kerajaan dapat mengatasi masalah tersebut?

.....
.....
.....
.....
.....

[6 markah]

TINGKATAN 5**1.3 DASAR KEWANGAN**

- 1 (a) Maklumat di bawah berkaitan dengan sumber hasil kerajaan.

Cukai A	Cukai B
Duti setem	Duti import

- i) Namakan jenis Cukai A dan Cukai B

.....

..... [2 markah]

- ii) Bezakan antara Cukai A dan Cukai B

.....

.....

.....

[4 markah]

- 1 (b) Pernyataan berikut berkaitan dengan dasar ekonomi negara X.

Kerajaan negara X telah menjalankan belanjawan lebihan semasa inflasi

Bagaimanakah belanjawan lebihan dapat mengatasi masalah tersebut?

.....


.....

.....

.....

[5 markah]

- 1 (c) Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan bank pusat melalui alat dasar kewangan bagi mengatasi satu keadaan ketidakstabilan ekonomi.



- i) Jelaskan konsep keadaan ketidakstabilan ekonomi tersebut

.....

.....

[2 markah]

- ii) Apakah Tindakan Q?

.....

.....

.....

[3 markah]

- iii) Huraikan kesan terhadap tingkat harga umum apabila tindakan Q dilaksanakan

.....

.....

.....

[4 markah]

- 2(a) i) Terangkan kesan kenaikan kadar faedah terhadap firma.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- ii) Bagaimakah peningkatan kadar faedah atas pinjaman dapat mengatasi inflasi?

.....
.....
.....

[3 markah]

- 2 (b) Petikan akhbar di bawah ini berkaitan dengan Belanjawan Negara yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Malaysia.

Pembentangan Bajet 2018 oleh Perdana Menteri

Pembentangan Bajet 2018 oleh Perdana Menteri bertema “Memakmur ekonomi yang inklusif, mengimbang keunggulan duniaawi dan ukhwrawi demi mensejahterakan kehidupan rakyat, menuju aspirasi TN50”

[Sumber: Berita Harian, Jumaat, 27 Okt 2017]

- i) Jelaskan tujuan belanjawan negara tersebut dibentangkan pada setiap tahun.

.....
.....
.....

[3 markah]

- ii) Bagaimakah belanjawan kurangan digunakan untuk mencapai kestabilan dalam ekonomi?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- 2 (c) Terangkan bagaimana penjualan surat jaminan kerajaan dapat mencapai objektif makroekonomi yang berikut:

- i) Guna tenaga penuh

.....

[2 markah]

- ii) Kestabilan harga

.....

[2 markah]

- iii) Pertumbuhan ekonomi

.....

[2 markah]

TINGKATAN 5**BAB 2.0: MALAYSIA DAN EKONOMI GLOBAL****2.1: GLOBALISASI**

1 (a)

Dalam persekitaran globalisasi, pergerakan trafik maritim dalam kalangan negara-negara benua Asia telah meningkat dengan mendadak sejak kebelakangan ini. Jumlah dagangan Intra-Asia sahaja telah mengatasi dagangan di antara Asia dan negara-negara barat dalam dekad lalu. Pelabuhan-pelabuhan Asia memproses hampir 50% dari jumlah pergerakan kontainer dunia di mana 25% dari jumlah ini membabitkan China 7%.

Jelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi globalisasi selain faktor yang dinyatakan di atas?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

1 (b) Huraikan ciri-ciri syarikat multinasional

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

1 (c) Jelaskan kesan positif pelaburan langsung asing terhadap:

i. Pertumbuhan ekonomi

.....
.....

[2 markah]

ii. Pindahan teknologi

.....
.....

[2 markah]

iii. Meningkatkan modal pelaburan

.....
.....

[2 markah]

1 (d) Syarikat di atas merupakan salah satu firma yang menjalankan perniagaan di Malaysia



Jelaskan kesan negatif pelaburan langsung asing di Malaysia:

- i) Ketidakseimbangan pendapatan

.....
.....
.....

[3 markah]

- ii) Aliran untung ke luar negara

.....
.....
.....

[3 markah]

TINGKATAN 5**BAB 2.2 PERDAGANGAN ANTARABANGSA**

- 1 (a) Mengapakah Malaysia menjalankan perdagangan antarabangsa dengan negara yang lain?

.....
.....
.....
.....

[5 markah]

- 1 (b) Terangkan kepentingan perdagangan antarabangsa kepada Malaysia.

.....
.....
.....
.....

[5 markah]

- 1 (c) Jelaskan kesan terhadap pihak berikut akibat kemasukan barang import yang murah.
(i) Pengeluar tempatan

.....
.....
.....

[3 markah]

- (i) Pengguna

.....
.....
.....

[3 markah]

- 1 (d) Jelaskan 2 urusan jual beli barang dan perkhidmatan antara negara dalam perdagangan antarabangsa.

.....
.....
.....

[4 markah]

- 2(a) Jadual berikut berkaitan dengan dua sekatan perdagangan antarabangsa.

Sekatan A	Sekatan B
Malaysia mengenakan cukai sebanyak RM25 ke atas setiap unit pemotong daging yang diimport.	Malaysia mengehadkan kuantiti beras yang diimport sebanyak 10 000 tan sebulan.

- i. Kenalpasti kedua-dua sekatan perdagangan antarabangsa tersebut.

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

- ii. Bezakan antara sekatan A dengan sekatan B.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 2 (b) Jelaskan kesan penglibatan sesebuah negara dalam blok ekonomi.

.....

.....

.....

[4 markah]

- 2 (c) Rajah berikut berkaitan dengan suatu perjanjian blok ekonomi.



- i. Jelaskan kesan positif perjanjian di atas?

.....

.....

.....

[4 markah]

- ii. Jelaskan kesan negatif perjanjian tersebut.

.....

.....

.....

[4 markah]

- 2 (d) Nyatakan jenis produk yang dikategorikan dalam sekatan bukan ekonomi.

.....

.....

[2 markah]

TINGKATAN 5**2.3 IMBANGAN PEMBAYARAN**

- 1 (a) Data berikut merupakan nilai eksport nampak dan import nampak bagi tiga buah negara.

Butiran	Negara A (RM juta)	Negara B (RM juta)	Negara C (RM juta)
Eksport nampak	500 000	500 000	300 000
Import nampak	600 000	300 000	300 000

Apakah yang dimaksudkan dengan akaun barang?

.....
.....

[2 markah]

- 1 (b) Hitung nilai akaun barang bagi ketiga-tiga buah negara tersebut.

i. Negara A

.....
.....

[2 markah]

ii. Negara B

.....
.....

[2 markah]

iii. Negara C

.....
.....

[2 markah]

- 1 (c) Nyatakan nama negara yang mencatatkan akaun barang yang paling baik?

Berikan sebabnya.

.....
.....

[2 markah]

- 1 (d) Huraikan tiga komposisi eksport di bawah:

i. Barang nampak

.....
.....
.....
.....

[5 markah]

ii. Barang tak nampak

.....
.....
.....
.....

[5 markah]

- 2 (a) Apakah yang dimaksudkan dengan imbangan pembayaran?
.....
.....
- [2 markah]
- 2 (b) Maklumat di bawah berkaitan dengan akaun semasa imbangan pembayaran Malaysia pada tahun 2022.
- | Butiran | RM juta |
|---------------------------|---------|
| Akaun barang | 800 |
| Akaun perkhidmatan | (400) |
| Akaun pendapatan primer | (220) |
| Akaun pendapatan sekunder | (155) |
- i. Hitungkan dan tafsirkan kedudukan akaun semasa imbangan pembayaran Malaysia pada tahun 2022.
.....
.....
.....
.....
- [4 markah]
- ii. Terangkan implikasi situasi tersebut kepada ekonomi Malaysia.
.....
.....
.....
.....
.....
- [6 markah]
- 2 (c) Jadual di bawah menunjukkan Imbangan Akaun Semasa bagi United Kingdom dan Hong Kong pada tahun 2021.
- | Tahun 2021 | United Kingdom | Hong Kong |
|-----------------------|-----------------|-----------------|
| Imbangan Akaun Semasa | -US\$90 billion | US\$265 billion |
- i. Tafsirkan imbangan akaun semasa bagi negara berikut?
- United Kingdom
.....
.....
- [2 markah]
- Hong Kong
.....
.....
- [2 markah]
- 2 (d) Huraikan mengapa imbangan akaun semasa United Kingdom berbentuk sedemikian?
.....
.....
.....
.....
- [6 markah]

TINGKATAN 5**2.4 KADAR PERTUKARAN ASING**

- 1(a) Maklumat berikut menunjukkan perubahan kadar pertukaran asing antara Dolar Amerika Syarikat (USD) dengan Ringgit Malaysia (RM).

Tarikh	Kadar pertukaran asing
28 April 2023	USD 1 = RM 4.4620
31 Mei 2023	USD 1 = RM 4.6070

Pengimport Malaysia membeli mesin yang bernilai USD 350 000 dari Amerika Syarikat pada bulan April 2023, tetapi pembayaran dibuat pada bulan berikutnya.

- i. Hitung jumlah bayaran yang perlu dibuat oleh pengimport tersebut.

.....

[2 markah]

- ii. Berikan justifikasi berdasarkan jawapan di atas

.....

[2 markah]

Jelaskan faktor permintaan mata wang Ringgit Malaysia (RM).

.....
.....
.....
.....
.....

[5 markah]

- 1(b) Jadual berikut menunjukkan kadar pertukaran Ringgit Malaysia (RM) dengan Dolar Amerika (USD).

Tahun	Kadar Pertukaran Asing
Jun 2021	1 USD = RM 4.20
Julai 2021	1 USD = RM 4.31
Ogos 2021	1 USD = RM 4.29

- i. Jika seorang peniaga Malaysia berhutang sebanyak USD3000 dengan seorang pengekspor Amerika pada bulan Jun 2021 dan menjelaskan hutangnya pada bulan Ogos 2021, apakah kesan kepada peniaga tersebut?

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

- ii. Jadual di bawah menunjukkan perubahan kadar pertukaran asing antara Baht Thailand (THB) berbanding Ringgit Malaysia (RM) bagi tempoh 3 tahun.

Kadar pertukaran	2021	2022	2023
RM bagi seunit THB	7.7180	7.9603	7.5539

Tentukan arah aliran kadar pertukaran Ringgit Malaysia (RM) berbanding Baht Thailand (THB).

.....
.....
.....
.....

[2 markah]

- iii. Jelaskan kesan perubahan kadar pertukaran Ringgit Malaysia (RM) pada tahun 2023 terhadap harga import dan harga eksport Malaysia.
-
.....
.....
.....
.....

[5 markah]

SOALAN ESEI

TINGKATAN 4

1. Maklumat berikut berkaitan dengan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat.



- (a) Berdasarkan maklumat tersebut, jelaskan konsep unit ekonomi yang terlibat. [4 markah]
- (b) Ramalkan impak bantuan tersebut terhadap firma. [7 markah]
- (c) Kumpulan B40 adalah antara penerima bantuan terbesar dalam pakej prihatin kerajaan ini. Wajarkah golongan ini diberikan keutamaan oleh kerajaan? Kemukakan hujah anda. [9 markah]

TINGKATAN 5

Maklumat berikut berkaitan dengan perbelanjaan kerajaan.

Projek Laluan Rel Pantai Timur dijangka Beroperasi Januari 2027

KUALA LUMPUR: Perkhidmatan Kereta Api Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dijangka mula beroperasi seawal 1 Januari 2027 dan menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi wilayah itu serta negara bagi tempoh beberapa dekad akan datang. Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Abdul Rahim Bakri berkata projek ECRL yang dijadualkan siap pada akhir 2026, akan menghubungkan negeri-negeri Pantai Timur seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang serta Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Putrajaya dengan Lembah Klang.

Sumber : diubah suai daripada <http://www.bharian.com.my>

- (a) Huraikan jenis perbelanjaan kerajaan yang terlibat dalam petikan di atas [5 markah]
- (b) Projek kerajaan ini dijangka memberi impak ekonomi kepada negara. Bincangkan. [9 markah]
- (c) Jelaskan kos sosial yang timbul kesan daripada projek ini. [6 markah]

PERATURAN PEMARKAHAN

SOALAN OBJEKTIF

BAB 1 : PENGENALAN KEPADA EKONOMI

1	B	11	B	21	A
2	A	12	A	22	C
3	B	13	D	23	C
4	C	14	B	24	B
5	A	15	D	25	B
6	A	16	B	26	D
7	D	17	B	27	C
8	A	18	D	28	C
9	B	19	D	29	C
10	C	20	D	30	B

BAB 2 : PASARAN

1	D	11	A	21	C
2	A	12	A	22	A
3	B	13	B	23	A
4	B	14	D	24	A
5	B	15	C	25	A
6	C	16	D	26	A
7	A	17	B	27	A
8	D	18	B	28	D
9	C	19	D	29	A
10	A	20	C	30	B

BAB 3 : PENDAPATAN INDIVIDU

1	A	11	B	21	A
2	C	12	B	22	A
3	D	13	C	23	A
4	C	14	B	24	C
5	A	15	C	25	D
6	A	16	C	26	A
7	A	17	C	27	A
8	D	18	B	28	B
9	A	19	C	29	C
10	C	20	C	30	A

BAB 4 : PENGELUARAN

1	A	11	A	21	A
2	D	12	B	22	B
3	C	13	A	23	C
4	B	14	D	24	D
5	C	15	A	25	B
6	C	16	A	26	C
7	C	17	D	27	B
8	B	18	C	28	B
9	B	19	D	29	B
10	A	20	D	30	D

SOALAN STRUKTUR
TINGKATAN 4
BAB 1: PENGENALAN KEPADA EKONOMI

NO SOALAN	SKEMA JAWAPAN	MARAH
